

Jilid I
Bil. 90



Hari Rabu
16hb November, 1983

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 12673]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1984

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 19 [Ruangan 12717]

Maksud B. 20 [Ruangan 12726]

Maksud B. 21 [Ruangan 12768]

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1984

Jawatankuasa—

Maksud P. 19 [Ruangan 12717]

Maksud P. 20 [Ruangan 12726]

Maksud P. 21 [Ruangan 12768]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat **TUAN YANG DIPERTUA, DATO MOHAMED ZAHIR HAJI ISMAIL,**
S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI**
DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S.,
S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T.,
D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ **Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO**
MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S.,
(Panti).

Yang Berhormat **Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO**
YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ **Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S.,**
P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ **Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN**
SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ **Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJAH**
AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala
Langat).

„ **Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO'**
AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P.,
S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ **Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH**
HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu
Kelantan).

„ **Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M.,**
J.M.N. (Batu Berendam).

„ **Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG,**
D.P.C.M. (Taiping).

„ **Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN,**
D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ **Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK**
IROK, P.N.B.S., (Kanowit).

„ **Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ,**
D.P.M.S., A.M.N., (Kuala Kangsar).

- Yang Berhormat Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Menteri Buruh DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J. P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K (Besut).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSEIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ TIMBALAN MENTERI PERUSAHAAN UTAMA, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Penerangan PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K., (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).

- Yang Berhormat TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).

- Yang Berhormat TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- .. DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- .. DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- .. DATO LEE SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- .. TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- .. TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- .. TUAN LING SIE MING (Sibu).
- .. TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDÛL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- .. TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- .. DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- .. TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- .. TUAN MOHAMAD RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- .. DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- .. TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- .. TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- .. TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- .. TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- .. TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- .. TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- .. DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. TUAN OMAR BIN ABDUL (Tampin).
- .. TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- .. DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- .. TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- .. TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- .. TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- .. DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).

- Yang Berhormat TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M.
(Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik
Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang
Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P, J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya bin Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 16hb November, 1983

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mempengerusi-*
kan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed.

(Soalan No. 1 Y.B. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed tidak hadir).

KESESAKAN JALAN RAYA

2. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Pengangkutan menerangkan:

- (a) adakah Kementerian ini sedar bahawa di negara kita pada hari ini telah begitu sesak dengan kenderaan-kenderaan bermotor, terutamanya di bandar-bandar dan di jalan-jalan utama, sehingga mengakibatkan begitu banyaknya berlakunya kemalangan dan kematian; dan
- (b) adakah Kementerian ini sedang berikhtiar untuk mengurangkan kemasukan kereta-kereta motor (import) dari negara pengeluar sama ada dari barat atau timur. Dan apakah usaha-usaha bagi mengurangkan kesesakan yang telah sedia ada.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):

Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya menyedari hakikat kesesakan jalan raya terutamanya di bandar-bandar besar dan pada waktu-waktu masuk/keluar pejabat dengan bertambahnya bilangan kenderaan-kenderaan bermotor. Walau bagaimanapun, kesesakan itu bukanlah punca utama yang mengakibatkan begitu banyaknya berlaku kemalangan jalan raya.

Mengikut perangkaan yang sedia ada pada tahun-tahun 1980 hingga 1982 bilangan kemalangan kebanyakannya berlaku di jalan raya luar bandar dan kawasan-kawasan yang belum membangun (unbuilt areas) iaitu di antara 32% hingga 36% dan 45% hingga 50% masing-masing daripada jumlah kemalangan yang berlaku pada tahun-tahun tertentu. Peratus bilangan kemalangan yang telah berlaku di bandar-bandar cuma di antara 23% hingga 25%. Sebab-sebabnya kemalangan dan kematian ini berlaku bukanlah akibat daripada banyaknya bilangan kenderaan tetapi sikap pemandu yang cuai dan lalai.

Bagi menjawab soalan (b) masalah pengimportan kenderaan-kenderaan adalah di bawah bidangkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian manakala Jabatan Pengangkutan Jalan adalah ditugaskan mendaftarkan kenderaan-kenderaan yang diimport berdasarkan kepada syarat yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Mengikut jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kemalangan berlaku bukan di dalam bandar sahaja tetapi juga di luar bandar ataupun di jalan raya-jalan raya utama. Adakah Kerajaan sedar kadang-kadangkala jalanraya begitu sesak disebabkan kenderaan-kenderaan yang berhenti seperti lori-lori yang berat yang berhenti disebabkan ada sekatan jalan raya akibat pemeriksaan oleh JPJ. Jadi seolah-olah ada satu "secret code" di antara pemandu-pemandu lori yang berat-berat ini apabila ada nampak sekatan jalan raya atau pemeriksaan JPJ mereka ada menggunakan lampu-lampu isyarat supaya lori-lori berhenti jangan terus meneruskan perjalanannya supaya jangan bertembung dengan sekatan yang dibuat oleh JPJ. Adakah Kerajaan sedar dalam perkara ini?

Yang kedua, adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu sekatan yang berjalan maknanya, kalau sekatan dibuat di satu tempat yang satu lagi berjalan untuk menentukan supaya mana yang berhenti di tepi jalan itu juga boleh diperiksa.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, perkara ini memang sering kali berlaku, iaitu di masa-masa dan di tempat-tempat yang tertentu apabila ada sekatan-sekatan jalan raya dijalankan, maka selalulah lampu-lampu dipasangkan dan juga signal-signal dibuat oleh pemandu-pemandu lori ataupun bas yang berkenaan. Bagi mengatasi perkara ini pihak Jabatan Pengangkutan Jalan dan juga Polis Diraja Malaysia, khasnya Bahagian Trafik, sentiasa mengawasi keadaan sedemikian supaya dapat menangkap mereka ataupun mengadakan sekatan-sekatan yang tidak boleh dilihat ataupun dikesan dengan senangnya oleh pihak-pihak yang berkenaan.

Bagi menjawab soalan ahli Yang Berhormat yang kedua, iaitu mengenai cadangan supaya diadakan penguatkuasaan mobile, ini memang ada bukan sahaja oleh pihak Polis Diraja Malaysia tetapi juga oleh Jabatan Pengangkutan Jalan, khasnya Pegawai-pegawai Penguatkuasa, yang menggunakan motosikal untuk mengikut mereka yang berkenaan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Soalan tambahan. Dalam jawapan tadi, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menjelaskan bahawa kadar kematian akibat kemalangan jalan raya dari segi peratusannya lebih besar di kawasan luar bandar dibanding dengan kawasan di dalam bandar. Walaupun pembinaan jalan tidak termasuk dalam bidang kuasa Kementerian Yang Berhormat, tetapi bolehkah saya bertanya bahawa salah satu daripada sebab maka telah berlaku kemalangan di kawasan luar bandar ialah oleh kerana sistem dan mutu jalan raya di kawasan luar bandar itu biasanya sub-standard ataupun kurang mutunya? Dan kalau inilah salah satu daripada sebabnya, adakah Kementerian yang berkenaan bermaksud hendak mengadakan suatu kerjasama yang rapat dengan Kementerian Kerja Raya supaya mana-mana jalan yang tidak begitu selamat, tempat-tempat yang terlampau sempit dan tidak selamat, diperbaiki dari masa ke semasa supaya orang luar bandar yang mana sudahlah mereka miskin banyak pula mati kerana teknologi yang biasanya digunakan oleh orang bandar?

Dato Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu adalah merupakan satu soalan yang serius. Biasanya apabila ada tempat-tempat ataupun jalan raya yang tertentu yang dikatakan, dengan izin, Tuan Yang Dipertua, accident prone areas, maka pihak Polis dan juga Pihak Berkuasa Tempatan selalu memberitahu pihak

yang berkuasa Jalan Raya khasnya Kementerian Kerja Raya untuk mencari jalan bagi mengatasi masalah ataupun mutu sub-standard yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Begitu juga Majlis Keselamatan Jalan Raya apabila mendapat angka-angka di tempat-tempat yang berkenaan yang selalu berlaku kemalangan akan membuat laporan kepada Kementerian Kerja Raya agar kerosakan ataupun di tempat yang berkenaan itu diperbaiki bagi menyelamatkan, terutama sekali, orang-orang yang tinggal di luar bandar.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang Dipertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sedar bahawa salah satu sebab yang mengakibatkan kesesakan lalulintas dengan kenderaan-kenderaan di negara kita ialah oleh kerana kita tidak mempunyai satu sistem pengangkutan awam yang berkesan khasnya di bandar-bandar besar. Maka bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu apakah tindakan atau apakah rancangan yang telah diambil untuk mengadakan atau membaiki sistem pengangkutan awam di tiap-tiap bandar besar sebagai salah satu cara untuk mengatasi masalah kesesakan ini.

Dato Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memang sentiasa dalam perhatian Kerajaan. Yang sebenarnya pada masa ini banyak langkah-langkah dan usaha diambil bagi mengatasi kesesakan jalan raya di bandar-bandar dan juga di jalan-jalan raya utama dalam negara kita ini. Seperti dalam kawasan bandar jalan-jalan raya baru dibina terutamanya jalan-jalan lengkaran (ring road) supaya lalulintas boleh melencong ataupun by-pass pusat bandar, dengan itu mengurangkan jumlah lalulintas di

kawasan bandar. Juga kajian-kajian pengangkutan dijalankan di beberapa buah bandar dalam negara kita ini dan sehingga pada masa ini kajian berkenaan bagi Johor Bahru, George Town dan Butterworth telah pun selesai.

Langkah-langkah lain diambil di bandar-bandar besar untuk mengawal tempat letak kereta dengan mengenakan bayaran dan peruntukan-peruntukan petak letak kereta yang terhad; dan begitu juga seperti kita sedia maklum di kawasan Kuala Lumpur ataupun Wilayah Persekutuan usaha sedang diperbuat untuk mengadakan sistem aerobus dan seterusnya sistem laluan ringan iaitu LRT (Light Rapid Transit).

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi Timbalan Menteri Pengangkutan telah mengatakan bahawa akibat banyaknya berlaku kemalangan dan kematian ini disebabkan oleh kelalaian pihak pemandu-pemandu kenderaan itu sendiri. Walaupun kita sedar bahawa pihak Kementerian ini dengan kerjasama pihak Polis mengadakan beberapa kali, sudah berpuluh-puluh kali mengadakan kursus-kursus ataupun penerangan-penerangan kepada pemandu-pemandu bagi mengatasi supaya jangan berlakunya kemalangan di jalan raya tetapi sehingga hari ini masih banyak, hari-hari kita dengar ada sahaja kemalangan.

Jadi, apakah langkah-langkah pihak Kementerian ini supaya dapat mengatasi, supaya dapat mendisiplinkan pemandu-pemandu kenderaan ini sehingga kadang-kadang itu,—ini saya berterusteranglah, apabila kita memandu kereta, kereta di belakang itu hendak potong walhal kita sudah beri signal bahawa ada kereta di depan. Kereta itu masih hendak potong juga sehingga kadang-kadang hampir berlaku

kemalangan. Jadi, apakah langkah-langkah yang lebih berkesan ataupun adakah Kementerian hendak mengadakan satu undang-undang yang lebih ketat supaya perkara-perkara yang tidak diingini ini tidak berlaku kemalangan-kemalangan di jalan raya kita dewasa ini.

Dato Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, selain daripada usaha yang dijalankan oleh Majlis Keselamatan Jalan Raya bagi memberi pelajaran kepada pemandu-pemandu dan juga bakal-bakal pemandu dan seterusnya pengguna-pengguna jalan raya untuk sentiasa mementingkan keselamatan jalan raya pada keseluruhannya, maka dari segi undang-undang ataupun peraturan pun sedang ditimbang dengan telitinya. Sebagaimana yang telah saya nyatakan di Dewan yang mulia ini baru-baru ini, melalui sistem Demerit ataupun Sistem Kejara beberapa markah tertentu akan dikenakan kepada mereka yang melakukan kesalahan jalan raya. Apabila disabitkan oleh pihak Mahkamah ataupun pihak Polis ataupun Pihak Berkuasa Tempatan dan sekiranya mereka itu mendapat mata yang maksima ataupun mata yang penuh sebanyak 20, maka secara automatik lesen mereka akan digantung selama 3 bulan dan begitu juga seterusnya. Jadi kita berharap bahawa melalui peraturan ataupun undang-undang yang akan diadakan ini yang saya harap dapat dilaksanakan pada awal tahun hadapan, maka ini akan menjadi satu halangan dan juga satu pengajaran kepada pemandu-pemandu yang tidak bertanggungjawab ini.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi ada menyatakan bahawa jalan-jalan raya terutama yang berhampiran dengan kawasan-kawasan bandar besar

dengan kenderaan-kenderaan dan salah satu punca kemalangan ialah dari banyaknya kenderaan-kenderaan di jalan-jalan raya ini. Jadi, soalnya adakah Kerajaan bercadang untuk membuat satu kajian bagi mendapatkan pendapat orang ramai bagi menghapuskan (condemn) kenderaan-kenderaan lama yang berumur lebih dari 10 tahun dari dibenarkan ataupun dilesenkan menggunakan jalan raya.

Keduanya, adakah Kerajaan berhasrat atau bercadang juga untuk tidak membenarkan kenderaan-kenderaan yang menggunakan jalan-jalan raya ini menggunakan tayar-tayar celup.

Dato Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, soalan yang pertama itu sangat baik dan kita berharap bahawa melalui soal jawab seumpama ini kita boleh dapat maklumbalas (feedback) dari rakyat keseluruhannya, iaitu sama ada patut Kerajaan mengharamkan kenderaan-kenderaan yang lebih daripada seperti Ahli Yang Berhormat katakan tadi 10 tahun daripada digunakan di jalan raya.

Tetapi suka saya menyatakan bahawa ada barang-barang yang berkenaan yang lama itu tidak semestinya buruk tetapi lagi lama lagi baik mutunya (*Ketawa*). Walau bagaimanapun, perkara ini boleh dikaji oleh Kerajaan. Cuma sebagai permulaan Kerajaan mungkin akan mengadakan pemeriksaan kepada kereta-kereta yang berumur misalnya 10 tahun ataupun 8 tahun ke atas sebelum cukai jalan (road tax) mereka dibaharui bagi masa akan datang, perkara ini adalah dalam timbangan aktif oleh Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua: Penghabisan.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang Dipertua, soalan penghabisan (*Ketawa*). Dalam jawapan Timbalan

Menteri Pengangkutan tadi menerangkan bahawa kemalangan yang paling banyak juga berlaku di luar-luar bandar. Saya ingin tahu, satu usaha yang dibuat oleh Jabatan Pengangkutan Jalan ini ialah mengadakan Kempen Keselamatan Jalan Raya, tetapi kempen keselamatan ini yang saya nampak diperhebatkan di bandar-bandar, umpamanya mengadakan sepandok-sepandok untuk sementara waktu.

Saya ingin tahu daripada kempen keselamatan ini, adakah prestasinya menggambarkan dapat mengatasi masalah kemalangan ini. Adakah Kementerian ini bercadang mengadakan satu iklan kekal dari segi kempen keselamatan ini. Umpamanya, adakah tidak cukup sekarang ini di setengah-setengah jalan ataupun di persimpangan jalan yang merbahaya hanya ditunjukkan gambar tengkorak dan sebagainya, itu tidak cukup memberi erti kepada pemandu, ertinya tidak menakutkan kepada pemandu itu.

Umpamanya, kalau saya sebut di Indonesia, lebih berkesan barangkali ia memberikan perkataan-perkataan: "Maut Menunggu di Simping Jalan", jadi di situ sudah ada malaikalmaut, dia lebih takut untuk memandu kereta dengan laju. Ini mengurangkan kemalangan. Jadi adakah Kementerian bercadang untuk membuat seumpama itu.

Ataupun kalau saya boleh mencadangkan, di jalan raya itu kita cadangkan Jabatan Kerja Raya buat sekatan, tiap-tiap sebatu ada sekatan jalan, jadi mereka tidak boleh pandu laju. Adakah itu logik?

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang Dipertua, Kempen Keselamatan Jalan Raya ini berjalan sepanjang tahun. Tiap-tiap masa kempen ini diadakan ataupun masalah keselamatan jalan raya ditekankan

pada tiap-tiap hari dalam satu tahun, malahan pada masa ini kerjasama diperolehi daripada Kementerian Penerangan ataupun RTM menyiarkan angka-angka ataupun kes-kes kemalangan yang berlaku pada tiap-tiap hari. Tidaklah bermakna bahawa kerana kita tidak dengar banyak kemalangan yang berlaku di kawasan luar bandar, kempen itu tidak dijalankan di kawasan luar bandar, tetapi yang sebenarnya menyeluruh negara kempen yang berkenaan diadakan.

Bolehlah dikatakan bahawa sepandok-sepandok ataupun papantanda-papantanda yang menakutkan kepada pemandu-pemandu diadakan di tempat-tempat yang tertentu sahaja. Kalau hendak minta Kerajaan ataupun Kementerian Kerjaraya mengadakan sepandok-sepandok atau papantanda sebatu satu ataupun satu kilometer satu, mungkin barangkali takut orang hendak menggunakan di jalan raya pada keseluruhannya.

Walau bagaimanapun, apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, iaitu berkenaan dengan prestasi Kempen Keselamatan Jalan Raya, ini adalah memuaskan dan itulah sebabnya dengan angka-angka yang menggalakkan, terutama sekali semasa hari perayaan diadakan, kempen-kempen khas diadakan untuk hari-hari perayaan, tetapi pada hari yang lain kempen biasa dijalankan sepanjang tahun.

UNIT CARDIO-THORACIC DI HOSPITAL BESAR, KUALA LUMPUR

3. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah kejayaan dan kemajuan yang telah dicapai oleh sebuah Unit Cardio-thoracic yang baru ditubuhkan di Hospital Besar Kuala Lumpur yang

memberi rawatan kepada pesakit-pesakit jantung dan apakah ia mungkin berkembang dan membesar menjadi sebuah Pusat Jantung Negara (National Heart Centre).

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Yeoh Poh San): Tuan Yang Dipertua, Unit Cardio-thoracic di Hospital Besar Kuala Lumpur memulakan perkhidmatannya pada 6hb April, 1982 dan telah mencapai kemajuan yang baik. Jumlah pembedahan yang telah dilakukan sehingga 30hb September, 1983 sebanyak 538 kes, iaitu:

- 266 open-heart surgeries;
- 159 closed heart surgeries;
- 113 general vascular surgeries.

Pesakit-pesakit berumur di antara 2 hingga 73 tahun, tetapi bilangan terbesar pesakit ialah di dalam lingkungan umur kurang dari 40 tahun, iaitu 88.5% dari jumlah pesakit-pesakit.

Tuan Yang Dipertua, pembedahan coronary by-pass dimulakan pada bulan Oktober, 1982 dan setakat ini sebanyak 17 kes pembedahan telah dilakukan. Memang telah ada rancangan untuk mewujudkan sebuah Pusat Cardio-thoracic di Hospital Besar, Kuala Lumpur. Unit Cardio-thoracic sekarang ini diharap dapat menjadi nucleus untuk Pusat itu kelak. Unit Cardio-thoracic ini memberi khidmat rujukan kepada hospital-hospital Kerajaan yang lain.

Tuan Yang Dipertua, Kementerian Kesihatan tidak bertujuan untuk menubuhkan sebuah Pusat Jantung Kebangsaan (National Heart Centre) yang berasingan kerana ini tidak begitu praktikal dalam keadaan di negara ini. Kemudahan seperti ini adalah lebih baik dikaitkan kepada sesebuah hospital yang sedia ada, sepertimana yang sedang dijalankan sekarang, kerana fasiliti ini

memerlukan banyak kemudahan-kemudahan sokongan dari disiplin-disiplin lain. Jabatan-jabatan Bedah Kardiotorasik dan Kardiologi yang ada sekarang adalah menjadi sebahagian dari Hospital Besar, Kuala Lumpur. Kementerian Kesihatan telah mencadangkan fasiliti-fasiliti untuk Jabatan-jabatan Bedah Kardiotorasik dan Kardiologi diperbaiki. Cadangan ini akan hanya dapat dilaksanakan apabila kedudukan ekonomi negara bertambah baik.

Tuan Ng Cheng Kuai: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini sama ada semua pakar-pakar pembedahan di Unit Cardio-thoracic, Hospital Besar adalah doktor-doktor asing atau doktor-doktor berwarganegara Malaysia?

Tuan Yeoh Poh San: Pada setakat ini, Tuan Yang Dipertua, kita ada 4 doktor-doktor pakar di Unit Cardio-thoracic ini dan beliau ialah orang tempatan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen apakah rawatan yang diberi ini merupakan rawatan percuma. Jika sekiranya dikenakan bayaran, berapakah kos minima untuk coronary by-pass operation yang dilakukan di hospital ini.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang Dipertua, Kementerian Kesihatan tidak bercadang untuk memberi rawatan percuma pada ketika ini.

Berkenaan dengan kos rawatan bagi heart surgery ada 3 charges:

Tentang open-heart surgery, seseorang yang masuk Unit Cardio-thoracic ini yang perlu open-heart surgery, jumlah yang beliau kena bayar ialah lebih kurang \$6,000.

Bagi closed-heart surgery, lebih kurang \$4,000.

Bagi general thoracic dan vascular surgery, itu terpulang kepada keadaan pesakit dan bayaran ialah \$2,000 sehingga \$3,000.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Daripada pembedahan-pembedahan open-heart dan close-heart surgery, bolehkah Setiausaha Parlimen menyatakan kes-kes ini berapakah yang berjaya dan jumlah yang meninggal dunia selepas pembedahan.

Tuan. Yeoh Poh San: Tuan Yang Dipertua, bagi kes-kes Coronary Artery By-pass, Unit ini telah mula membuat operation seperti ini pada Oktober, 1982 dan kita telah memberi rawatan kepada 17 kes dan tidak ada satu pun yang meninggal dunia.

Bagi valve replacement, dengan izin, Tuan Yang Dipertua, sudah ada 80 kes: 65 single valve replacement, 1 kematian; bagi 15 double valve replacement, iaitu 2 valve replacements, Tuan Yang Dipertua, satu kematian.

Tuan Yang Dipertua: Apa dia "valve" itu? (*Ketawa*).

Tuan Yeoh Poh San: Valve itu dalam jantung (*Ketawa*).

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan tentang hal peralatan moden yang ada di dalam Unit Cardio-Thoracic ini. Apakah kita mempunyai alat yang cukup? Walaupun pembedahan telah dibuat sebanyak 500 lebih dan berhasil mengikut Setiausaha Parlimen, tetapi saya hendak tahu kerana saya dapati orang-orang yang mengidap penyakit yang menghendaki coronary by-pass operation, untuk mengujinya

mempunyai alat yang moden yang tak perlu lagi ditaruhkan di dada tetapi ditaruh di peha sahaja sudah dapat penjelasan bagaimana hasil kedudukan jantungnya.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang Dipertua, Unit Cardio-Thoracic di Hospital Besar Kuala Lumpur ini ialah satu unit yang baru. Sehingga sekarang unit ini belum lagi fully operational, dengan izin. Sebab itu alat-alat yang digunakan di unit ini ialah moden sekali dan doktor-doktor pakar di unit ini mempunyai taraf yang tinggi dan pada ketika ini kita ada banyak doktor-doktor pakar yang kita telah hantar ke luar negeri untuk mendapat pengalaman yang tinggi.

Tuan Yang Dipertua: Ubat melalui bubuh dalam peha itu tidak dijawab. Melalui peha, tidak kena buka. Secara cukup di peha sahaja, bukan cara open heart.

Tuan Yeoh Poh San: Ada.

Tuan Yang Dipertua: Ada (*Ketawa*).

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, saya memberi tahniah kepada doktor-doktor sudah berhasil melaksanakan pembedahan itu, tetapi saya hendak tahu mengenai pentadbiran. Adakah daripada segi pembayaran yang telah dikenakan itu Kerajaan berhasil pula mendapat bayaran-bayaran balik charges yang dikenakan itu ataupun banyak yang berhutang dan kalau berhutang bagaimana cara hendak mendapat balik?

Tuan Yang Dipertua: Ada hutangkah yang dapat operation itu? dia buat I.O.U.kah? (*Ketawa*).

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang Dipertua, bayaran yang dikenakan oleh Kementerian Kesihatan ialah bayaran yang rendah. Sebagai contoh, bayaran untuk general thoracic ialah

\$2,000 hingga \$3,000. Kalau pergi ke luar negeri lebih kurang \$15,000. Jadi, Kementerian saya tidak dapat memberi credit—maaf! (*Ketawa*).

SEKOLAH AGAMA RAKYAT— PENUBUHAN LEMBAGA

4. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Perdana Menteri menyatakan sama ada terdapat sebarang sambutan dari Kerajaan-kerajaan Negeri dalam menyelaraskan pentadbiran sekolah-sekolah agama rakyat dan hal ehwal Agama Islam selepas penubuhan sebuah Jawatankuasa bagi tujuan ini.

Timbalan Perdana Menteri (Dato Musa Hitam): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, apa yang telah ditubuhkan sebenarnya bukanlah sebuah Jawatankuasa, tetapi sebuah Lembaga yang dinamakan Lembaga Penasihat Penyelarasan Pelajaran dan Pendidikan Agama Islam. Penubuhan Lembaga ini telah pun diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja.

Lembaga berkenaan antara lainnya bertujuan menyelaraskan pelajaran dan pendidikan Agama Islam di Sekolah-sekolah Agama Negeri dan Sekolah-sekolah Agama Rakyat di seluruh negara.

Lembaga tersebut juga ditugaskan untuk meninggikan mutu pelajaran dan pendidikan Agama Islam di sekolah-sekolah yang saya sebutkan tadi supaya lulusan dari sekolah-sekolah itu layak untuk menjadi guru Agama dan Pegawai Agama ataupun boleh melanjutkan pelajaran mereka.

Di samping itu Lembaga juga akan mengadakan latihan perguruan bagi guru-guru agama yang mengajar di sekolah-sekolah yang saya sebutkan di atas supaya kebolehan dan kemampuan guru-guru tersebut sesuai dengan maksud meninggikan mutu pelajaran dan pendidikan Agama Islam keseluruhannya.

Selanjutnya, Lembaga akan memberi perkhidmatan nasihat kepada Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri mengenai berbagai-bagai aspek pelajaran dan pendidikan Agama Islam di Sekolah-sekolah Agama Negeri dan Sekolah-sekolah Agama Rakyat.

Lembaga juga bertanggungjawab mengadakan sukatan pelajaran dan kurikulum pelajaran agama, menentukan buku-buku teks, mengatur dan mengawal peperiksaan serta mengeluarkan sijil-sijil kelulusan peperiksaan.

Semua negeri-negeri yang menganggotai Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia telah menyambung baik dan menyetujui penubuhan Lembaga ini.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dengan penubuhan Lembaga ini adalah bermaksud untuk menyelaraskan Sekolah-sekolah Agama Rakyat yang ditadbirkan di tiap-tiap negeri tetapi sekarang ini ada terdapat bahawa setengah-setengah Sekolah-sekolah Arab Menengah yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran. Jadi, apakah untuk masa hadapan pihak Kerajaan bercadang untuk menyerahkan semua urusan Sekolah-sekolah Agama Rakyat ini kepada Kementerian Pelajaran dan penubuhannya adalah dijalankan dengan cara peraturan dan juga cara dikehendaki oleh Kerajaan supaya tumpuan dapat diberi kepada Sekolah-sekolah Arab seperti ini dan tidaklah menjadikan Sekolah Arab ini hidup segan mati tak mahu sebagaimana berlaku di setengah-setengah tempat.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang Dipertua, saya menuntut maaf, pada hemat saya itu soalan lain.

Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana kita diberitahu oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri baru sekejap tadi bahawa penubuhan Lembaga Penasihat ini adalah bertujuan antara lain ialah untuk menyelaras pendidikan dan pelajaran sekolah-sekolah agama dan meninggikan nilai ataupun taraf sekolah-sekolah yang berkenaan. Saya ingin tahu apakah Kerajaan kita sedar bahawa ada di antara sekolah-sekolah agama di negara kita ini yang bukan sahaja enggan menurut sukatan pelajaran ataupun sistem-sistem yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan bahkan mereka juga enggan mengikut sukatan-sukatan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri sendiri? Mereka lebih suka mengekalkan tradisi mereka ataupun mencipta satu sistem mereka sendiri dengan membentuk suatu dunia mereka sendiri. Apakah sikap Kerajaan dalam menghadapi sekolah-sekolah yang seumpama ini kerana ia melibatkan ramai anak-anak kita yang sudah tentu masa depan mereka pada adatnya sudah tentulah amat mengecewakan.

Dato Musa Hitam: Tuan Yang Dipertua, Kerajaan memang sedar atas wujudnya sekolah-sekolah seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tadi. Maka oleh sebab itulah ditubuhkan Lembaga ini di mana diharapkan bahawa oleh sebab ianya dipersetujui oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kerajaan-kerajaan Negeri juga bertanggungjawab di dalam hal ehwal pelajaran agama di negeri masing-masing maka apabila semuanya selesai dari segi pentadbiran dan penyusunan pada keseluruhannya pentadbiran prinsip-prinsip ini diterima oleh Lembaga, ini bermakna bahawa ianya akan dapat dilaksanakan dan apabila ia dapat dilaksanakan maka sekolah seperti disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu barangkali semakin

lama semakin berkurangan. Lebih-lebih lagi saya suka menyatakan di sini bahawa tujuan penubuhan Lembaga ini dan prinsip-prinsipnya ialah semata-mata untuk memberi makna kepada mereka yang belajar di sekolah-sekolah ini dari segi peranan mereka pada keseluruhannya di dalam masyarakat. Kalau ada sekolah-sekolah yang tertinggal demikian, yang pertama, apa-apa tindakan terpulanglah kepada Kerajaan Negeri masing-masing untuk menentunya tetapi, yang kedua, ialah bahawa mereka yang keluar daripada sekolah ini terpaksa wujud keadaan di mana mereka tidak akan dapat mengambil tempat di dalam masyarakat umum.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri tentang hal penyelarasan pentadbiran sekolah-sekolah agama ini tentu perlu kepada buku-buku teks sebagaimana yang Yang Amat Berhormat jelaskan tadi. Jadi siapakah yang bertanggungjawab menyiapkan buku-buku teks sekolah-sekolah agama ini sama ada pihak Dewan Bahasa dan Pustaka ataupun daripada pihak swasta kerana pihak Majlis Agama Islam mengikut fahaman saya di Kelantan, ada keluaran buku teks dan Jabatan Agama Islam Johor pun ada keluaran buku teks.

Soalan yang kedua, Tuan Yang Dipertua, apakah hasrat Kerajaan hendak mengambil alih semua sekolah-sekolah agama rakyat menjadi sekolah Kerajaan.

Dato Musa Hitam: Tuan Yang Dipertua, istilah mengeluarkan buku teks itu harus dijelaskan oleh sebab dari segi mengeluarkannya menentukan isi kandungannya, kurikulumnya itu ialah terpulang kepada Lembaga. Lembaga inilah yang akan menentukan isi

kandungannya tetapi sama ada yang hendak mencetaknya itu Dewan Bahasa dan Pustaka atau swasta itu soal lain dan kepada kami, kepada sayalah ini tidak begitu penting dengan sebab isi kandungannya adalah yang penting.

Yang kedua, berhubung dengan apakah maksud Kerajaan akan mengambil alih, Kerajaan tidak bercadang mengambil alih sekolah-sekolah agama yang saya sebutkan tadi. Sekolah-sekolah agama ini akan masih tinggal di dalam bidang tugas Kerajaan Negeri, Jabatan-jabatan agama masing-masing tetapi apa yang ditunjukkan oleh Lembaga ini ialah semata-mata dari segi penyelarasan supaya satu sistem sahaja, satu cara sahaja, satu penentuan sahaja akan dapat dibuat, satu cara latihan sahaja akan dibuat bagi murid-murid di sekolah-sekolah yang sedemikian di mana negeri-negeri yang menjadi ahli Lembaga.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Pasri Mas, soalan penghabisan.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah: Tuan Yang Dipertua, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Amat Berhormat, sejauh manakah kuasa yang diberikan kepada Lembaga yang dilantik ini kerana saya bimbang, takut kalau dia hanya merupakan satu Lembaga Penyelaras sahaja yang tidak diberi kuasa apa-apa, takut ada Kerajaan-kerajaan Negeri yang enggan daripada mengikuti nasihat dan sebagainya.

Dato Musa Hitam: Tuan Yang Dipertua, semua negeri-negeri yang telah menerima keahlian Lembaga ini bersetuju di atas prinsip-prinsipnya dan semuanya yang telah saya senaraikan tadi dari segi tugas, bidang tugas, tanggungjawab satu persatu ialah ditentukan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri atau Jabatan Agama

masing-masing yang menjadi ahli Lembaga ini, maka kalau mereka yang menentukan, mereka yang memutuskan, mereka saya percaya akan tentulah menerima apa juga keputusan, tetapi tentulah sekali-sekala dari segi pelaksanaan butir-butir barangkali ada negeri-negeri yang atau pun Jabatan Agama yang barangkali tidak mahu menerimanya. Pada saya pada hakikatnya mereka tentu akan menerima oleh sebab semuanya akan diputuskan atas nama Lembaga itu sendiri.

Kalau pun tidak bersetuju di atas sesuatu itu memang hak Kerajaan Negeri ataupun Jabatan Agama masing-masing, tetapi saya percaya kedudukan ini tidak akan berlaku berbanding dengan kedudukan pada masa-masa yang lepas.

TARAF PERINTIS—MELABURKAN SEMULA KEUNTUNGAN

5. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah benar bahawa beberapa syarikat-syarikat asing yang mendapat taraf perintis tidak melaburkan semula keuntungan mereka di dalam memperbesar syarikat-syarikat mereka tetapi menyalurkan sebahagian besar keuntungan ini keluar negeri dan jika ya apakah langkah-langkah Kementerian beliau sedang ambil untuk menyekat amalan yang kurang sihat ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin): Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya sedar bahawa terdapat syarikat-syarikat asing yang mendapat galakan taraf perintis tetapi tidak melaburkan semula keuntungan mereka dan amalan ini tidak menyalahi mana-mana peraturan.

Kerajaan mengambil ingatan bahawa daya penarik utama kepada

pemegang-pemegang saham daripada negara asing ataupun daripada warganegara tempatan ialah keinginan untuk menikmati keuntungan dari pelaburan yang telah dibuat. Namun demikian, pada umumnya syarikat-syarikat yang ingin terus berkembang maju serta mendapat keuntungan yang lebih pada masa akan datang perlu melaburkan semula keuntungan yang telah diperolehi melalui pembesaran projek, mempelbagaikan pengeluaran ataupun memodenkan pengeluaran syarikat.

Hakikat ini dapat dibuktikan dengan adanya syarikat-syarikat asing bertaraf perintis yang telah melaburkan semula keuntungan mereka. Misalnya, dalam tahun 1982, 5 daripada 9 projek perintis yang dimiliki sepenuhnya oleh warganegara asing telah berbuat demikian. Syarikat-syarikat tersebut termasuklah syarikat-syarikat terkemuka seperti Matsushita Electric Co. (M) Sdn Bhd, Motorola Malaysia Sdn Bhd, Kim Fashion Knitwear (Malaysia) Sdn Bhd dan Ansell Malaysia Sdn Bhd.

Kerajaan buat masa ini tidak bercadang untuk menyekat pengaliran keuntungan keluar negeri kerana ini mungkin menjejaskan iklim pelaburan negara. Sebaliknya Kerajaan menyediakan beberapa galakan untuk menggalakkan syarikat-syarikat asing dan tempatan melaburkan semula keuntungan mereka.

Sebagai contoh, Kerajaan telah pun memperkenalkan Galakan Elaun Pelaburan Semula pada tahun 1979. Elaun ini boleh dipertimbangkan kepada syarikat-syarikat perkilangan yang mengalami pembesaran yang diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Elaun yang diberi ialah sebanyak 25% berasaskan perbelanjaan modal tetap terhadap kilang, mesin dan alat-alat kelengkapan yang digunakan

untuk pembesaran yang diluluskan dan galakan ini berkuatkuasa sehingga tahun 1986.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Adakah kemungkinan syarikat-syarikat yang telah dapat galakan ini untuk selama lima tahun sengaja menjalankan perniagaan dengan secara tidak beruntung tetapi selepas sahaja lima tahun bila mereka mula mendapatkan keuntungan, selepas terpaksa membayar cukai, mereka akan membeli perkakas-perkakas yang mahal-mahal daripada syarikat induk di luar negeri dengan harapan supaya insentif yang dicadangkan oleh Kerajaan itu akan dipergunakan dengan sepenuhnya oleh syarikat-syarikat tersebut.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, kemungkinan-kemungkinan itu mungkin ada tetapi walau bagaimanapun sebagaimana yang saya terangkan tadi, kita ada menawarkan berbagai-bagai bentuk galakan di mana walaupun pada peringkat awalnya mereka mungkin mengambil kesempatan daripada kemudahan yang diberikan oleh Kerajaan di bawah skim taraf perintis itu, tetapi pada jangka panjangnya mereka ini akan menggunakan semula keuntungan-keuntungan ataupun keuntungan-keuntungan yang tidak dinyatakan itu di dalam perniagaan mereka dan akhirnya saya yakin bahawa syarikat ini akan mendapat keuntungan dan memberikan faedah kepada kita juga.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat dari Ulu Terengganu, soalan penghabisan.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada benar bahawa satu faktor yang utama menyebabkan pihak

pelabur-pelabur yang diberi taraf perintis enggan melabur semula keuntungan mereka ialah oleh kerana harga buruh di Malaysia sekarang telah jauh meningkat daripada apa yang mereka mula alami di waktu mereka datang ke sini dahulu. Kalau faktor-faktor seperti struktur cukai tidak berjaya menarik lebih banyak syarikat taraf perintis ini melabur semula keuntungan mereka di sini, adakah pihak Kementerian berkenaan bermaksud untuk memberi penilaian semula atau membuat kajian semula keseluruhan dasar yang ada sekarang ini supaya kita tidak berlumba-lumba dalam soal mendapatkan tenaga buruh lebih-lebih lagi sekarang Kerajaan sedang bergiat mengadakan projek-projek Hicom.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, saya tidak fikir bahawa sebab utama mengapa tidak terdapatnya pelaburan semula di kalangan sebahagian daripada syarikat-syarikat asing yang mendapat taraf perintis ialah kerana harga buruh yang meningkat kerana kalau dibandingkan dengan keadaan pasaran buruh di rantau ASEAN dan juga di negara-negara lain, bolehlah dikatakan bahawa keadaan tawaran buruh di sini dengan kadar harga yang sedia ada boleh dianggap competitive dan lebih manarik daripada tempat-tempat yang lain.

Yang sebenarnya ini tidaklah menjadi sebab yang utama mengapa perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu berlaku.

Soal yang kedua tentang kajian semula dasar tentang pelaburan asing dalam negara ini, saya ingin mengatakan memang sentiasa dibuat penelitian, malahan sebagaimana contoh yang saya sebutkan tadi, galakan pelaburan semula itu adalah satu daripada perkara yang dikaji dan kita akan memberikan tawaran-tawaran yang lain sekiranya kita

anggap bahawa galakan yang diberikan sekarang ini tidak mencukupi. Tetapi inginlah saya menjelaskan bahawa sehingga ini kita berpendapat bahawa dasar pelaburan negara kita adalah amat baik dan sebenarnya kalau dibandingkan dengan beberapa tahun dahulu sehingga sekarang ini jumlah pelabur-pelabur asing yang telah pun dapat melaburkan wang ringgit mereka dengan membuka kilang dalam negara ini kian bertambah dan ini menjelaskan bahawa dasar yang telah pun kita amalkan ini adalah dasar yang baik.

INDUSTRI KECIL—GALAKAN

6. Tuan Ng Cheng Kwai minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah beliau sedar:

- (a) tapak perumahan bagi industri kecil adalah amat berkurangan;
- (b) industri-industri kecil yang terdapat sekarang selalu dikenakan denda kerana lokasinya bercanggah dengan undang-undang kecil bandaran, walhal pengusaha-pengusaha berkenaan tidak ada pilihan lain; dan
- (c) apakah Kementerian beliau akan menggubal dasar baru untuk Kerajaan-kerajaan Negeri bagi menswastakan wujudnya kawasan-kawasan industri kecil bagi menempatkan semula industri-industri yang berkenaan.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, perlu dimaklumkan bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian secara langsung tidak menyediakan tapak-tapak untuk industri kecil.

Kerajaan telah pun memberi tanggungjawab penyediaan tapak-tapak industri kecil ini kepada

Kerajaan-kerajaan Negeri ataupun Pengusaha-pengusaha Tempatan. Walau bagaimanapun, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sememangnya sedar mengenai kekurangan tapak-tapak untuk industri kecil terutamanya jika dibandingkan dengan tapak-tapak industri besar. Untuk mengatasi kekurangan tapak industri kecil ini Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sentiasa berhubung rapat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri dan mencadangkan supaya lebih banyak lagi tapak-tapak industri kecil dapat diadakan dengan harga yang berpatutan.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian juga mencadangkan bahawa di mana yang boleh tapak-tapak industri kecil hendaklah diadakan berhampiran dengan industri besar supaya industri kecil ini menjadi industri sokongan kepada industri besar.

Berkenaan soalan yang kedua, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian juga sedar bahawa terdapat industri kecil dikenakan tindakan undang-undang oleh Pihak Berkuasa Tempatan kerana mereka tidak mempunyai lesen daripada pihak Penguasa Tempatan tersebut ataupun mereka menjalankan industri mereka di luar kawasan-kawasan yang ditetapkan untuk kawasan perindustrian.

Selain dari itu tindakan undang-undang tersebut adalah diambil untuk menjaga kepentingan usahawan-usahawan kecil dan juga orang-orang awam supaya dapat dipastikan bahawa kemudahan-kemudahan yang teratur dan lengkap diperolehi oleh industri-industri ini di kawasan-kawasan yang ditetapkan. Tindakan ini juga diambil untuk mencegah pencemaran alam atau untuk menjaga kebersihan. Dalam pada itu, usaha-usaha sedang diambil oleh Kerajaan untuk mengadakan lebih banyak lagi

kawasan-kawasan industri kecil bagi menempatkan industri-industri yang beroperasi di kawasan-kawasan yang tidak teratur itu.

Berkenaan soalan ketiga, dasar bagi menggalakkan pembinaan tapak-tapak perusahaan kecil telah pun diadakan. Walau bagaimanapun, terpulanglah kepada Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing untuk menentukan sama ada konsep penswastan ini boleh dijalankan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang Dipertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa Kementerian beliau ada berhubung rapat dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menyediakan tapak-tapak untuk industri kecil tetapi adakah beliau sedar bahawa tapak-tapak yang disediakan itu sehingga hari ini masih sangat kurang dan adakah Kerajaan Pusat ataupun Kementerian bercadang untuk menetapkan satu quota supaya dalam pembangunan industri kecil itu kerajaan-kerajaan Negeri hendaklah memperuntukkan satu peratus yang ditetapkan untuk pembangunan industri kecil.

Dan soalan tambahan yang kedua ialah sehingga kita menunggu tapak-tapak industri kecil siap dibuat atau siap diperuntukkan untuk menempatkan semula industri-industri kecil yang haram yang menjalankan operasi di kawasan tidak teratur, bolehkah Kementerian memberi satu arahan kepada pihak-pihak berkuasa tempatan supaya buat sementara ini jangan mengambil tindakan terhadap mereka sehingga terdapat tapak-tapak yang cukup untuk mengatasi masalah yang dialami oleh mereka.

Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin: Tuan Yang Dipertua, saya memang telah menerangkan di dalam jawapan asal tadi bahawa kita menyedari tentang masalah

kekurangan tapak bagi industri kecil dan oleh sebab itu sebagaimana yang disebutkan tadi, kita memang sentiasa mengambil langkah-langkah untuk berbincang dengan lebih lanjut dengan pihak Penguasa Tempatan dan juga pihak Kerajaan-kerajaan Negeri untuk menambahkan tapak bagi perusahaan kecil itu. Ini saya jelaskan di sini untuk lebih berkesan lagi di peringkat Kementerian Perdagangan dan Perusahaan kita telah pun menubuhkan sebuah Jawatankuasa yang dipanggil "Jawatankuasa Penyelarasan Pembangunan Perusahaan Kecil Kebangsaan" di mana kita sentiasa sahaja mengemukakan saranan dan mengadakan perbincangan dengan pihak Kerajaan-kerajaan negeri dan sehingga ini saya ingin menjelaskan bahawa reaksi dan timbal balas daripada Kerajaan-kerajaan Negeri dalam syor-syor yang telah pun dikemukakan bagi menambahkan kawasan industri kecil itu adalah amat menggalakkan termasuk juga bagi Wilayah Persekutuan.

Tentang soalan pertama, juga untuk mengadakan quota, ini kita belum lagi mengadakan quota tertentu. Sebagaimana saya terangkan tadi, terpulanglah kepada pihak Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memikirkan sama ada quota-quota tertentu itu patut diadakan ataupun tidak. Walaupun begitu, saya fikir cadangan Ahli Yang Berhormat itu bolehlah kita ambil perhatian.

Soalan kedua tentang minta dikeluarkan arahan supaya Kerajaan-kerajaan Negeri jangan mengambil tindakan kepada pihak-pihak yang menyalahi peraturan. Saya fikir Ahli Yang Berhormat sedia maklum sendiri dan saya fikir kita serahkan kepada kebijaksanaan Ahli Yang Berhormat untuk berunding dengan Kerajaan-kerajaan Negeri tentang hal-hal yang berkaitan dengan apa yang disebutkannya tadi.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Lim Kit Siang.

(Soalan No. 7 Y. B. Tuan Lim Kit Siang tidak hadir).

PROJEK KERAJAAN-MONOPOLI PEMBORONG ANTARABANGSA

8. Datuk Haji Saidin bin Mat Piah minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) adakah benar semua projek-projek pembinaan Kerajaan yang besar dimonopoli oleh syarikat-syarikat pemborong luar negeri seperti Korea, Jepun dan lain-lain; jika ya, adakah Kerajaan akan mengkaji semula syarat-syarat tender pemborong kepada syarikat-syarikat antarabangsa agar dasar monopoli yang merugikan pemborong-pemborong tempatan itu tidak akan berterusan. Jika tidak, mengapa;
- (b) ada Kerajaan sedar bahawa sikap setengah-setengah pemborong antarabangsa yang berjaya membina projek-projek pembinaan Kerajaan tidak mengambil kira kehendak-kehendak yang terkandung dalam Matlamat Dasar Ekonomi Baru dalam konteks pengambilan pekerja-pekerjanya. Jika ya, apakah langkah-langkah positif yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi kepentingan negara ini;
- (c) untuk mengelakkan penderitaan yang teruk kepada pemborong-pemborong tempatan dan untuk mempertingkatkan pengalaman di peringkat antarabangsa dalam bidang pengurusan dan pengendalian projek pembinaan yang besar-besarnya kepada

pemborong-pemborong tempatan khususnya pemborong-pemborong Bumiputera, adakah pihak Kerajaan akan menggalakkan projek usaha-sama di antara pemborong-pemborong antarabangsa atau luar negeri dengan pemborong-pemborong tempatan dalam pengendalian sesebuah projek pembinaan yang besar-besar atau bertaraf antarabangsa di masa hadapan terutama projek-projek pembinaan Kerajaan sendiri.

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, adalah tidak benar bahawa semua projek-projek Kerajaan yang besar-besar dimonopoli oleh syarikat pemborong luar negeri seperti Korea dan Jepun. Dalam hal ini saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kerajaan telah pun menetapkan dasar-dasar tertentu bagi projek-projek besar yang mana tawaran adalah dibuka kepada semua kontraktor luar dan dalam negeri. Dasar ini dijalankan supaya Kerajaan mendapat harga tawaran yang paling baik di samping mendapat teknologi yang tertinggi.

Mengenai dasar pemberian kontrak antarabangsa, Kerajaan telah pun mempunyai dasar yang tertentu iaitu mensyaratkan sekurang-kurangnya 30% daripada nilai kontrak utama dikhaskan kepada kontraktor-kontraktor tempatan dengan secara usahasama. Kementerian saya pada lazimnya juga meminta kontraktor-kontraktor antarabangsa termasuklah kontraktor Korea dan Jepun yang mendapat kontrak dalam negara ini supaya memberi kerja-kerja kecil kepada kontraktor-kontraktor tempatan mengikut Dasar Ekonomi Baru.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian saya sekarang ini sedang mengkaji semula

perjanjian kontrak antarabangsa yang sedia ada dengan tujuan kemungkinan, antara lain, untuk memasukkan satu syarat yang khusus bagi kerja-kerja kecil mengikut Dasar Ekonomi Baru di dalam perjanjian itu. Syarat ini akan dimasukkan dalam perjanjian kontrak antarabangsa yang sedang diubahsuai.

Mengenai pengambilan pekerja-pekerja di dalam kontrak-kontrak antarabangsa, saya memaklumkan bahawa Kerajaan telah pun mensyaratkan di dalam kontrak bahawa pekerja-pekerja hendaklah diambil daripada rakyat Malaysia yang menunjukkan komposisi bangsa yang ada di dalam negara ini. Khususnya bagi projek-projek yang dibiayai oleh Kerajaan.

Manakala projek-projek yang dibiayai dari sumber pinjaman luar negeri seperti Bank Dunia dan Bank Pembangunan Asia sebagai syarat pinjaman, syarat mengambil pekerja tempatan itu tidak dapat dilaksanakan dalam kontrak antarabangsa itu. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sentiasa meminta kontraktor-kontraktor antarabangsa untuk memenuhi kehendak-kehendak dalam Dasar Ekonomi Baru.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya Timbalan Menteri Kerja Raya adakah terdapat kontraktor-kontraktor besar antarabangsa ini yang telah melanggar peraturan dan tidak dapat memenuhi janji dalam kontrak sebagaimana yang janjikan dalam kontrak negara kita dengan mereka dan jika sekiranya terdapat, apakah tindakan yang telah diambil kepada kontraktor tersebut?

Dato' Dr Nik Hussain bin Abdul Rahman: Setakat ini belum ada, Tuan Yang Dipertua.

RUMAH AWAM KOS RENDAH— PERUNTUKAN

9. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan berapakah projek-projek dan jumlah peruntukan projek-projek Rumah-rumah Awam Kos Rendah yang ditangguh/dibatalkan dalam tahun 1983 mengikut negeri-negeri. Apakah sebab-sebab projek-projek ditangguhkan/dibatalkan. Tidakkah penangguhan/pembatalan ini menjejaskan lagi masalah perumahan di kalangan golongan miskin yang sedia mendesak. Bagaimanakah kejayaan pelaksanaan konsep kondominium dan “system housing” bagi projek rumah kos rendah pada masa ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang Dipertua, sebagai menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat berdasarkan kepada peruntukan sebanyak \$1,000 juta untuk rumah awam kos rendah yang mana \$825 juta telah diberikan kepada Kementerian tidak ada projek-projek dan peruntukan yang telah ditangguhkan atau dibatalkan dalam tahun 1983. Mungkin Ahli Yang Berhormat telah mengambil kira peruntukan tambahan, dengan izin, “forward commitment” yang setakat ini masih belum diwujudkan sungguhpun telah dijanjikan untuk membolehkan Kerajaan Negeri membuat rancangan awal untuk projek-projek mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walau bagaimanapun Kementerian sedang berusaha untuk mencari jalan termasuklah melaksanakan projek-projek tertentu mengikut konsep penswastaan.

Mengenai soalan yang kedua Ahli Yang Berhormat itu, projek perumahan kos rendah secara

kondominium yang dirancangkan di bawah Rancangan Malaysia Keempat berjumlah 13 projek dan mengandungi 9,358 unit. Boleh dikatakan semua projek-projek ini sepatutnya bermula pelaksanaannya pada tahun 1983 ini tetapi oleh kerana keadaan ekonomi tidak mengizinkan maka projek-projek tersebut tidak dapat ditenderkan untuk dipelaksanakan bagi peringkat binaan bangunan. Kementerian ini bersama dengan Kerajaan Negeri yang berkenaan sedang berusaha untuk mencari jalan supaya projek-projek tersebut boleh dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Di antara langkah yang sedang dikaji ialah untuk mengswastakan projek-projek berkenaan.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan menimbang semula projek-projek yang ditangguhkan, yang dibatalkan bagi projek perumahan di kawasan yang kurang maju dan mundur seperti di kawasan saya iaitu projek peringkat tiga Pekan Baling dan juga di batu 42, Baling?

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang Dipertua, memanglah hasrat Kerajaan untuk menjalankan semua projeknya bila keadaan ekonomi mengizinkan. Saya difahamkan di Negeri Kedah ada empat projek yang ditangguhkan (di dalam peruntukan tambahan) buat sementara waktu yang peruntukan sebanyak \$13,500,000 telah pun diperuntukkan bagi Negeri Kedah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek yang ditangguhkan di dalam “forward commitment” ini ialah nombor satu Perindustrian Kulim, 200 unit. Kulim, 200 unit. Di Tunjang, 50 dan Jitra 111 ada 90 unit.

Tuan Ismail bin Said: Berhubung dengan projek kondominium ini, bagaimanakah sambutan Kerajaan-kerajaan Negeri berhubung dengan projek ini sama ada ianya menggalakkan ataupun tidak. Adakah terdapat mana-mana Kerajaan-kerajaan Negeri yang tidak memberi sambutan kepada projek kondominium ini. Jika ada, apakah sebab-sebabnya.

Yang kedua, Tuan Yang Dipertua, adakah benar salah satu penghalang (constraint) bagi kejayaan sistem housing ini bagi rumah awam kos rendah adalah oleh kerana rancangan-rancangan rumah murah itu adalah kecil-kecilan dan juga oleh kerana kelewatan penyediaan tapak. Jika benar, apakah rancangan yang diambil oleh pihak Kementerian beliau bagi mengatasi masalah ini.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang Dipertua, projek-projek kondominium kos rendah ini rasa saya disambut baik oleh Kerajaan Negeri kerana kita telah pun memperuntukkan sejumlah 9,000 unit sebagaimana saya sebutkan tadi negeri yang telah pun bercadang untuk mengadakan projek kondominium ini ialah Sabah, Johor, Pahang, Perlis dan Kelantan.

Saya di Kementerian suka menengoknya daripada segi positif, kalaupun kita hendak cari daripada segi tidak elok, rasa saya boleh juga. Tetapi eloklah kita pandang daripada sikap-sikap positif negeri itu. Misalnya, negeri Johor telah pun kami peruntukkan sebanyak 3,354 unit. Di Pahang, 1,570 unit. Mungkin Ahli Yang Berhormat ingin mengetahui tempat-tempat di Pahang itu. Nombor satunya, di Atar Bara sebanyak 678 unit, di Songsang, 700 unit, dan di Kubang Buaya 192 unit.

Berkenaan dengan negeri-negeri yang tidak menerima itu saya rasa bolehlah Ahli Yang Berhormat sendiri

membuat tafsiran. Rasa saya pada masa ini mereka belum lagi ada cadangan untuk mengadakan projek-projek itu, bukannya mereka tidak terima.

Yang keduanya, soalan Ahli Yang Berhormat tadi tentang, dengan izin, constraint, sama ada rumah-rumah ini kecil dan tidak diterima oleh pembeli-pembeli, pada pendapat saya di bawah tafsiran Kerajaan, keluasan ataupun ruang itu adalah serupa—600 kaki persegi sama ada rumah teres ataupun rumah kondominium. Jadi, rasa saya itu tidaklah menjadi persoalan.

Berkenaan dengan kelewatan tidak sedia tapak ini, kadangkala memang sahajalah, kadang-kadang susah juga Kerajaan Negeri untuk mengambil alih tapak-tapak ini daripada tuan-tuan yang punya tanah itu.

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan Nombor 1, 7 dan 10 hingga 17 adalah diberi di bawah ini.)

PENYELUDUPAN DI JAMBATAN YAHYA PETRA KELANTAN

1. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah hasil yang telah didapati dari kawalan anggota pasukan keselamatan di Jambatan Yahya Petra Kota Bharu Kelantan mengenai penyeludupan dadah, beras, gerakan sabersib dan lain-lain lagi sejak dijalankan kuatkuasanya. Kemanakah hasil-hasil rampasan barang-barang di jambatan ini, dilelong atau dikembalikan kepada tuan-punyaanya. Dan adakah kawalan ini akan terus menerus diadakan tanpa tempoh masanya.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed): Sekatan Jalan Raya (SJR) di Pasir

Pekan/Jambatan Yahya Petra telah berjaya mengurangkan kegiatan-kegiatan penyeludupan dadah, senjatapi, barang-barang makanan dan lain-lain barang.

Barang-barang yang dirampas di Sekatan Jalan Raya ini tidak dikembalikan kepada tuan yang empunya tetapi barang-barang tersebut diserahkan kepada agensi-agensinya yang berkenaan, seperti beras kepada Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN), lain-lain barang kepada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, ternakan kepada Jabatan Haiwan untuk dilelong. Senjatapi dan dadah yang dirampas pula diserahkan kepada Polis untuk tindakan selanjutnya.

Kedudukan Sekatan Jalan Raya (SJR) di Pasir Pekan/Jambatan Yahya Petra ini akan dikaji dari masa ke semasa dan akan dikekalkan selagi terdapat kegiatan penyeludupan melalui jalan raya ini.

PELAJAR MALAYSIA KE- UNIVERSITI AUSTRALIA

7. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menyatakan berapa ramai-kaah pelajar-pelajar yang ditaja oleh Kerajaan yang dihantar ke Australia untuk pelajaran:

- (a) menengah atas; dan
- (b) pra-universiti untuk setiap tahun sejak 1978; dan nyatakan sama ada memandangkan Kerajaan Australia telah mengurangkan secara drastik pengambilan pelajar-pelajar Malaysia, sama ada Kerajaan Malaysia akan hentikan penghantaran pelajar-pelajar yang ditaja oleh Kerajaan ke Australia supaya dapat memberi keutamaan pertama kepada pelajar-pelajar persendirian Malaysia.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud):

- (a) Kerajaan tidak menghantar pelajar-pelajar anjurannya untuk memasuki sekolah-sekolah menengah atas di Australia.
- (b) Kerajaan ada menghantar pelajar-pelajarnya ke Australia bagi mengikuti kursus Pra-Universiti iaitu Australian Matrikulasi dan bilangan pelajar-pelajar yang dihantar sejak 1978 adalah seperti berikut:

	<i>Tahun</i>	<i>Bilangan Pelajar</i>
	1978	99
	1979	87
	1980	207
	1981	258
	1982	242
	1983	346

Kerajaan tidak bercadang akan menghentikan penghantaran pelajar-pelajar tajaan Kerajaan ke Australia, walaupun Kerajaan Australia telah mengurangkan bilangan pengambilan pelajar-pelajar dari Malaysia. Sebaliknya Kerajaan sedang berusaha melalui saluran diplomatik, mengambil tindakan meminta Kerajaan Australia menambahkan bilangan tempat belajar kepada pelajar-pelajar Malaysia, tidak kira sama ada untuk pelajar-pelajar tajaan Kerajaan ataupun pelajar-pelajar persendirian. Dalam hal ini Kerajaan Australia, untuk tahun 1984 sahaja telah memberi keutamaan di peringkat Matrikulasi kepada pelajar-pelajar anjuran Kerajaan supaya dapat menanggung keperluan negara Malaysia. Untuk peringkat universiti atau tertiary hampir 95% daripada bilangan tempat yang ditawarkan

untuk pelajar Malaysia telah diberi kepada pelajar-pelajar persendirian.

DASAR ISLAMISASI

10. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan adakah Dasar Islamisasi yang menjadi amalan kerajaan sekarang boleh ditafsirkan sebagai suatu pendahuluan ke atas pelaksanaan hukum-hukum Syari'at Islam di dalam bidang pemerintahan dan perundangan negara kita. Kalau tidak setakat manakah tafsiran Islamisasi itu boleh dibuat.

Perdana Menteri: Pada masa Kerajaan sedang mengkaji peruntukan undang-undang Mahkamah syariah, undang-undang ini berkaitan dengan kepentingan masyarakat Islam seperti undang-undang keluarga, baitulmal, zakat, nikah kahwin, harta pusaka dan sebagainya supaya sesuai dengan kehendak dan keadaan masakini kerana didapati peraturan-peraturan yang sedia ada masih terdapat kekurangan sama ada dari sudut hakikat dan pelaksanaannya. Walau bagaimanapun, kuasa-kuasa mengenai pindaan ini di bawah kerajaan-kerajaan negeri.

Oleh itu soal sama ada apa yang Kerajaan lakukan ini sebagai pendahuluan atau akhiran tidak harus timbul kerana perubahan tetap berlaku mengikut peredaran masa. Walaupun begitu kita tidak terus lupa bahawa negara Malaysia mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen dan latar belakang masyarakat di Malaysia yang terdiri dari pelbagai kaum dan kepercayaan (agama). Tetapi adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan dan kita semua untuk meningkatkan syiar Islam kerana Agama Islam adalah agama rasmi negara kerana ini telah jelas termaktub dalam Perlembagaan Malaysia.

PERDA—MEMBANGUNKAN KAWASAN PULAU PINANG

11. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) bagi peringkat permulaan ini apakah strategi Lembaga Kemajuan Wilayah (PERDA) dalam memainkan peranannya untuk membangunkan kawasan-kawasan luar bandar di Pulau Pinang, Perak Utara dan Kedah.
- (b) adakah terdapat rintangan-rintangan yang dihadapi oleh PERDA sekarang untuk menggerakkan kegiatannya jika ada, apakah rintangan-rintangan tersebut dan bagaimana kedudukan untuk mengatasi masalah tersebut.
- (c) adakah PERDA akan menubuhkan pejabat-pejabat kecilnya terutama di Perak Utara dan Kedah untuk memastikan kekesanannya di kawasan-kawasan berkenaan.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Dato' Rais Yatim): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kawasan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) yang dicadangkan ialah di luar kawasan metropolitan yang terdapat di Pulau Pinang.

- (a) Negeri Pulau Pinang adalah dianggap sebagai wilayah pembangunan perindustrian yang pesat di mana ekonomi utamanya berpunca daripada pertumbuhan industri. Kepesatan pembangunan industrinya akan lebih ketara dengan pembinaan lebuh raya Timur-Barat, lebuh raya Utara-Selatan dan Jambatan Pulau Pinang. Sebaliknya kawasan yang dicadangkan untuk dibangunkan oleh Lembaga

Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) terdiri dari kawasan luar bandar yang terkeluar daripada kawasan metropolitan dan relatifnya didapati kurang maju.

Oleh hal yang demikian, strategi pembangunan wilayah PERDA perlu ditumpukan ke arah mengurangkan jurang perbezaan di antara pembangunan sosio-ekonomi di antara kawasan metropolitan dan luar kawasan metropolitan tersebut. Usaha-usaha giat yang perlu diutamakan ialah ke arah menggalakkan penyertaan kaum tani, menggunakan tanah sepenuhnya dan mencari peluang di sektor perindustrian atau industri pertanian, memperbaiki peluang-peluang dan kadar pembangunan kawasan yang kurang maju serta menambah kegiatan-kegiatan ekonomi dan kemudahan-kemudahan di kawasan tersebut.

- (b) Oleh kerana PERDA baru ditubuhkan dan berusia 5 bulan, maka banyak kerja-kerja perancangan yang harus dititik beratkan dahulu. Oleh itu, belumlah lagi timbul sebarang masalah pelaksanaan.
- (c) Oleh kerana Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) ditubuhkan bagi kawasan di luar metropolitan Pulau Pinang sahaja, soal penubuhan pejabat-pejabat kecilnya di Perak Utara dan Kedah tidak timbul sama sekali.

SAGO PALM—PENGGUNAAN

12. Dr George Chan Hon Nam minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kementerian beliau pernah menjalankan penyelidikan dan kajian

atas kemungkinannya mengeluarkan diesel daripada "sago palm", jika ya, apakah keputusan-keputusan yang didapati.

Menteri Pertanian (Dato' Abdul Manan bin Othman): Setakat ini penyelidikan yang telah dijalankan oleh Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) adalah berkaitan dengan penggunaan sago di dalam makanan ternakan sahaja.

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) tidak menjalankan apa-apa penyelidikan untuk mengeluarkan minyak diesel dari sago.

MAJLIS TEMPATAN— PERUNTUKAN DAN PINJAMAN

13. Tuan Ling Sie Ming meminta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) berapa jumlah wang peruntukan dan pinjaman diperolehi oleh Majlis-majlis Tempatan dari Kerajaan Persekutuan dari 1982 hingga 1983;
- (b) apa rancangan kemajuan Majlis Tempatan dapat memperolehi loan dari Kerajaan Persekutuan.

Puan Napsiah binti Omar:

- (a) Jumlah wang peruntukan dan pinjaman yang diperolehi oleh Majlis-majlis Tempatan dari Kerajaan Persekutuan dari tahun 1982 hingga 1983 ialah sebanyak \$133,265,800. Daripada jumlah tersebut sebanyak \$40,273,369 ialah bagi projek-projek kecil di Penguasa-penguasa Tempatan, \$41,592,431 sebagai Geran Pelancaran dan \$51,400,000 bagi projek-projek pinjaman.

(b) Berhubung dengan bahagian dua soalan Ahli Yang Berhormat, suka saya memaklumkan bahawa rancangan kemajuan Majlis Tempatan yang memperolehi pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan lazimnya adalah bagi projek-projek kemudahan asas di kawasan-kawasan bandar seperti projek pasar yang kos pembinaannya melebihi \$400,000 pembentangan untuk saluran najis, sistem perparitan dan sebagainya.

PEMBANGKANG MENGHASUT PELAJAR DI LUAR NEGERI

14. Wan Ibrahim Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan pihak manakah yang dimaksudkan seperti dalam kenyataan Timbalan Menteri Pelajaran dalam kempen pilihanraya kecil di Selising baru-baru ini yang menyebutkan bahawa ada golongan pembangkang yang menghasut para pelajar kita di luar negeri supaya membenci Kerajaan. Sila jelaskan juga apakah isu yang biasa diungkit dan ditimbulkan oleh mereka.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Memang ada terdapat pemimpin-pemimpin dari sebuah parti politik yang telah sering berkunjung keluar negeri memberikan ceramah-ceramah kepada pelajar-pelajar kita. Dalam ceramah-ceramah tersebut mereka memesongkan maksud sebenar mengenai perkara-perkara seperti Kerajaan melaksanakan pembangunan untuk kebaikan rakyat, membangkitkan emosi pelajar mengenai kedudukan agama Islam dan pentadbirannya, mempengaruhi pemikiran pelajar atas hujjah-hujjah yang bercorak perkauman tanpa mengira Malaysia mempunyai masyarakat berbilang kaum, dan menyatakan sistem pemerintahan

beraja berperlembagaan di Malaysia tidak sesuai dan harus ditamatkan.

Isu-isu lain termasuk kedudukan Akta Universiti dan Kolej, Akta Keselamatan dan lain-lain yang sengaja ditafsirkan mengikut kacamata dan kedudukan politik negara-negara di mana pelajar-pelajar kita berada tanpa mengira keadaan sebenar di tanahair kita sendiri.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pengakuan pemimpin-pemimpin parti ini bertemu dengan pelajar-pelajar kita di luar negeri adalah dinyatakan sendiri oleh pemimpin-pemimpin parti ini ketika kempen pilihanraya Selising dan Kemumin seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat.

Selain dari itu ingin saya maklumkan bukan semua pendengar-pendengar ceramah-ceramah pemimpin parti itu dapat dipengaruhi dan mereka ini telah melaporkan kepada pihak Kerajaan apa yang berlaku, selain daripada Ibubapa dan penjamin, pelajar-pelajar kita sendiri yang sedar akan hal ini melaporkan kepada kita.

LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG

Wan Zainab binti M. A. Bakar minta Menteri Pertanian menyatakan, memandangkan pada masa lampau pihak Lembaga Pertubuhan Peladang telah memainkan peranan sebagai Agensi Servis di mana keuntungan tidak menjadi faktor utama, sama ada peranan tersebut akan dikekalkan atau pihak Lembaga Pertubuhan Peladang sedang mengubah corak untuk disesuaikan dengan konsep penswastan yang telah dan sedang dijalankan di dalam pentadbiran Perdana Menteri sekarang.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Lembaga Pertubuhan Peladang akan terus memainkan peranan sebagai sebuah Agensi Servis. Walau bagaimanapun, selaras dengan Dasar Kerajaan terhadap penswastaaan, Lembaga Pertubuhan Peladang sedang mengkaji kemungkinan menswastakan sebahagian dari aktiviti yang "commercially viable" untuk dimajukan oleh Pertubuhan-pertubuhan Peladang sebagai badan swasta.

PASARAN KEDUA DALAM GADAIAN

16. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan meluluskan suatu pasaran kedua dalam gadaian khususnya bagi perumahan kerana ini akan membolehkan lebih ramai orang untuk memiliki rumah dan jika tidak apakah "rational" Menteri kerana tidak memperbaiki struktur kewangan negara kita ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Ahli Yang Berhormat mungkin ingat bahawa Ahli Yang Berhormat telah pun bertanya soalan yang sama dalam Sessi Parlimen Oktober tahun lalu berkenaan dengan penubuhan sebuah pasaran kedua dalam gadaian. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sebuah pasaran kedua dalam gadaian boleh memberi manfaat dalam memanjangkan jangkamasa kematangan gadaian dalam pasaran perumahan dan menggerakkan sumber-sumber tambahan untuk perumahan menerusi penarikan kumpulan-kumpulan wang dari sumber kewangan jangka panjang yang baru. Walau bagaimanapun, keupayaan pasaran kedua untuk menarik kumpulan wang sedemikian akan bergantung kepada kadar-kadar faedah dan perbezaan (spread) yang terdapat dalam kertas gadaian

peringkat kedua yang didiskaunkan dalam pasaran. Oleh kerana sebahagian besar pinjaman-pinjaman perumahan yang belum dijelaskan adalah bernilai di bawah \$100,000 dan tertakluk kepada kadar faedah maksima, perbezaan yang wujud adalah tidak menggalakkan untuk menubuhkan pasaran kedua dalam gadaian pada masa sekarang. Walau bagaimanapun pihak Kerajaan sedang mengkaji perkara ini dan akan mempertimbangkan penubuhan pasaran kedua tersebut bila keadaan adalah sesuai bagi pelaksanaannya.

KAD PENGENALAN WARNA MERAH

17. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan beberapa banyakkah Kad-kad Pengenalan berwarna merah yang telah dikeluarkan kepada pendatang-pendatang haram dari Indonesia dan sama ada beliau sedar pengeluaran Kad Pengenalan kepada pendatang-pendatang haram dari Indonesia ini akan menggalakkan lebih ramai lagi pendatang-pendatang haram mendarat di negeri kita, yang akhirnya boleh membawa kesan-kesan buruk kepada kesetabilan negeri kita.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Kad-kad Pengenalan berwarna merah hanya dikeluarkan kepada mereka yang telah mendapat kemudahan Permit Masuk di bawah Undang-undang Imigresen. Oleh yang demikian, Kerajaan tidak mengeluarkan Kad-kad Pengenalan berwarna merah kepada pendatang-pendatang haram dari mana-mana negara asing jua, termasuk Indonesia.

Sebaliknya, Kerajaan tetap akan bertindak tegas mengikut Undang-undang yang ada sekarang terhadap mana-mana Warganegara asing yang memasuki negara ini secara haram.

**RANG UNDANG-UNDANG
PERBEKALAN, 1984**

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1984

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat di-bacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1984 dan Anggaran Pembangunan, 1984 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". (Hari Keenam).

Majlis bersidang dalam Jawa-tankuasa.

(Tuan Yang Dipertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B. 19 (Jadual)—

Maksud P. 19 (Anggaran Pem-bangunan, 1984)—

Tuan Pengerusi: Majlis dalam Jawatankuasa. Sila Kementerian Wilayah Persekutuan.

3.38 ptg.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan: (Tuan Ahmad Shah bin Datuk Hussein Tambakau): Tuan Pengerusi, saya menyambung jawapan-jawapan yang tidak habis semalam.

Mengenai cadangan Wakil Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, bayaran iklan yang terlalu tinggi, Kementerian saya sentiasa mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengkaji pengurangan bayaran iklan dari masa ke semasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Undang-undang Kecil

Iklan Perbandaran, 1954 telah digantikan dengan Undang-undang Kecil Iklan Wilayah Persekutuan 1982. Memanglah terdapat perbezaan yang agak besar sedikit bayaran iklan yang dikenakan memandangkan bayaran ini tidak pernah dikaji hampir 30 tahun. Dalam pada itu sebuah jawatankuasa telah pun ditubuhkan di Dewan Bandaraya untuk mengkaji kadar bayaran iklan dengan mengadakan dialog dengan orang ramai khususnya dengan dewan-dewan perniagaan.

Dalam menentukan kadar iklan yang dicadangkan Kementerian akan mengambil kira perbezaan bayaran iklan untuk tujuan perniagaan dan bukan perniagaan.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan cadangan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar supaya tindakan kepada pengusaha-pengusaha kecil ditangguhkan sehingga mereka diberi tempat berniaga, sukalah saya beri penjelasan bahawa penyelesaian masalah peniaga atau pengusaha-pengusaha kecil tanpa mengambil tindakan atau ditangguhkan boleh menambahkan lagi bilangan penjaja-penjaja baharu yang mengambil kesempatan di atas kelonggaran penguatkuasaan ini.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, ada tempat-tempat tertentu seperti laluan-laluan utama khususnya dan tempat-tempat terpenting yang memang tidak dibenarkan langsung untuk menjaja. Kelonggaran atau ditangguhkan penguatkuasaan ini akan menjadikan kesesakan bandaraya kita tidak dapat dikawal. Ini penting untuk menentukan Kuala Lumpur di samping mengelakkan kesesakan juga menghindarkan keadaan-keadaan yang memburukkan, keadaan kebersihan bandaraya kita. Jadi, soal kelonggaran atau ditangguhkan ini sebenarnya adalah tidak praktikal.

Tuan Pengerusi, mengenai perkara yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bendera berhubung dengan masalah penempatan semula setinggan-setinggan di Kampung S. H. Lee. Pemindahan setinggan lebih kurang 500 keluarga akan dilaksanakan pada bulan Disember ini. Sebahagian besar daripada mereka akan dipindahkan ke rumah pangsa 5 tingkat di kawasan Sentul. Terdapat sebilangan daripada mereka itu yang telah membuat permohonan sendiri untuk berpindah ke kawasan-kawasan lain atas sebab-sebab lebih dekat dan tempat pekerjaan atau kerana berkehendakkan 2 bilik tidur yang mana tidak mencukupi di rumah pangsa di kawasan Sentul. Pihak Dewan Bandaraya pada ketika ini sedang menjalankan siasatan lanjut kepada lebih kurang 60 orang yang telah menuntut untuk diberi kemudahan tempat tinggal kerana nama-nama mereka tidak ada dalam bancian awal yang telah dibuat pada tahun 1978. Jika ada bukti-bukti yang munasabah maka mereka ini akan diperuntukkan rumah-rumah pangsa.

Tuan Pengerusi, ingin saya menambah di sini mengenai dengan masalah banjir yang telah pun saya bangkitkan kelmarin. Berhubung dengan masalah banjir yang sering berlaku di Wilayah Persekutuan ini, pihak Kementerian memang sedar akan perkara ini. Dewan Bandaraya dan Jabatan Parit dan Taliair telah membuat beberapa tindakan yang sewajarnya walaupun peruntukan yang disediakan bagi usaha mengatasi banjir ini adalah tidak mencukupi. Di antara langkah-langkah jangka pendek yang telah pun diambil adalah memasang culvert di tempat yang diperlukan, membina longkang-longkang tanah seperti longkang sementara, membersihkan dan mendalamkan longkang-longkang yang sedia ada, membersihkan culvert yang tersumbat dan lain-lain kerja

yang berkaitan bagi mengatasi banjir. Adalah dimaklumkan walaupun usaha-usaha ini dijalankan dari masa ke semasa tetapi adalah didapati hasilnya tidaklah begitu memuaskan. Ini adalah kerana terdapat longkang-longkang yang telah dibersihkan dipenuhi semula oleh sampah-sarap atau hasil-hasil buangan yang dilakukan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab. Lagipun kerja-kerja pembersihan tersebut tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya masa memandangkan banyak kawasan-kawasan yang perlu untuk dibersihkan. Perlu juga dimaklumkan bahawa terdapat longkang-longkang yang kecil walaupun telah dibersihkan tetapi masih lagi berlaku banjir. Untuk tujuan ini beberapa rancangan telah juga diatur untuk mengambil tindakan yang sewajarnya seperti membesarkan longkang-longkang tersebut tetapi ini memerlukan perbelanjaan yang besar. Perbelanjaan yang besar juga diperlukan untuk membina sistem perparitan yang lebih baik di seluruh Wilayah Persekutuan terutamanya di kawasan-kawasan yang masih tidak mempunyai sistem perparitan yang sempurna. Dalam hal ini sejak tahun 1981 hingga sekarang pihak Dewan Bandaraya telah menyiapkan 5 buah projek perparitan besar di Jalan Maarof, Jalan Bangsar, Jalan Selatan off Jalan Tun Razak, Batu Cantonment, Jalan Ipoh, Bandar Tun Razak, Cheras dan Jalan Padang Tembak, Jalan Gurney yang menelan belanja lebih kurang \$10 juta. Tiga buah projek adalah di dalam peringkat pelaksanaan termasuk di Salak South, Batu 5 Cheras dan Jalan Munshi Abdullah. Projek ini menelan belanja sejumlah \$9 juta. Dewan Bandaraya juga mempunyai cadangan untuk menjalankan beberapa projek yang telah pun dikenalpasti.

Tuan Pengerusi, pentadbiran Dewan Bandaraya memang sedar dan sedang dalam proses melaksanakan

kerja membaiki dan mengganti lif-lif rumah pangsa di Wilayah Persekutuan. Peruntukan yang cukup telah pun disediakan bagi tujuan ini tetapi masalah yang sering dihadapi dalam melaksanakan kerja-kerja membaiki ialah bekalan barang ganti (spare parts). Kebanyakan barang-barang ini terpaksa dipesan dari luar negeri dan proses ini mengambil masa yang agak lama. Walau bagaimanapun, tindakan akan diambil di dalam mempertingkatkan lagi mutu perkhidmatan lif di samping mempertingkatkan mutu kerja-kerja penyelenggaraan yang lain seperti lampong-lampong di koridor, pam air, kebersihan dan sebagainya.

Mengenai dengan cadangan untuk melonggarkan kelayakan membeli rumah pangsa dari tempoh 10 tahun menyewa kepada tempoh 5 tahun, Kementerian saya telah pun membuat kajian dengan teliti dan jika sekiranya perkara ini boleh dilakukan, Kementerian saya akan berusaha untuk melanjutkan perkara ini.

Kerja-kerja memproses permohonan membeli rumah pangsa sedang dipergiatkan lagi.

Mengenai pembeli-pembeli rumah pangsa yang akan membayar charge perkhidmatan sebanyak \$40 sebulan dan bayaran ini tidak dapat dikurangkan lagi kerana bayaran sebanyak \$40 sebulan ini hanyalah untuk menampung kos sebenar sahaja. Sekiranya charge perkhidmatan ini dikurangkan lagi maka kekurangan deficit akaun perumahan awam yang berjumlah kira-kira \$21 juta tidak akan dapat diperbaiki bahkan akan bertambah buruk lagi.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Tumpat menyentuh perkara Jabatan Agama Islam di Wilayah Persekutuan.

Kementerian ini mengakui benar sepertimana yang dikatakan oleh Ahli

Yang Berhormat itu bahawa sejak ditubuhkan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan telah menggariskan harapan agar ia dapat lahir sebagai Jabatan Agama contoh seperti hasrat dan cita-cita yang disarankan oleh Allahyarham Tun Haji Abdul Razak bin Hussein. Berdasarkan ini pihak Kementerian ini melalui Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan telah mengambil keputusan membuat kajian yang menyeluruh ke atas Enakmen yang digunakan sekarang dan menggubal undang-undang pentadbiran hukum syarak yang baharu dan kemaskini.

Memperbanyakkan usaha-usaha kebajikan dan mencegah kemungkaran di atas masyarakat Islam adalah di antara objektif-objektif Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Mengenai dengan perkara yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu supaya menambah dan memperbesarkan lagi Unit Penguatkuasa Penyiasat bagi mencegah perkara-perkara maksiat, Kementerian ini dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan telah pun berusaha dan mengambil langkah-langkah memperbesarkan lagi, menambahkan pegawai-pegawai dan kakitangan di unit tersebut. Insya Allah dengan pertambahan pegawai-pegawai tersebut Jabatan Agama akan menjalankan tindakan lebih besar lagi sama ada melalui operasi-operasi dan serbuan-serbuan di tempat-tempat tertentu.

Berkenaan ditempatkan pegawai-pegawai polis sepenuh masa di Pejabat Agama, khususnya di Pejabat Kadi, adalah difikirkan tidak praktikal di masa ini. Walau bagaimanapun, ada telah dijalankan di mana pegawai-pegawai polis diminta berada dan mengawal tempat-tempat tertentu seperti di Mahkamah Syariah dan bahagian-bahagian yang sesuai jika difikirkan perlu. Malahan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat

pihak polis sentiasa memberi kerjasama yang baik apabila diminta oleh Jabatan Agama.

Mengenai cadangan supaya dibina pejabat baru bagi Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Kementerian ini telah mengambil langkah-langkah sewajarnya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan telah membeli sebidang tanah seluas 2½ ekar di Jalan Pekeliling untuk tujuan tersebut. Walau bagaimanapun, disebabkan keadaan ekonomi kita sekarang ini maka pembinaan pejabat baru ini terpaksa ditangguhkan buat sementara.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat juga ada menyentuh mengenai keperluan latihan dan kursus-kursus tertentu kepada pegawai-pegawai agama. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa Jabatan Agama memang mempunyai program-program tertentu pada tiap-tiap tahun dengan menghantar pegawai-pegawai agama mengikuti kursus-kursus dan latihan-latihan serta membuat lawatan-lawatan rasmi bagi mempelajari dan mempertingkatkan lagi ilmu pengetahuan dan daya kebolehan pegawai-pegawai agama antaranya termasuklah yang dianjurkan oleh pihak INTAN, Polis iaitu kursus pendakwaan universiti-universiti tempatan mengenai hal-hal keagamaan. Bagi undang-undang pentadbiran hukum syarak, seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat itu, Kementerian ini bersama dengan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan telah berusaha dan akan mengambil tindakan yang secepat mungkin untuk menyiapkan undang-undang tersebut. Pada masa kini satu Jawatankuasa Penggubal Undang-undang telah dipertanggungjawabkan menyemak dan mengkaji undang-undang atau Enakmen yang ada sekarang selaras dengan keadaan sekarang.

Tuan Pengerusi, Ahli dari Kuala Nerus menyarankan semalam supaya diperbesarkan dan diperluaskan lagi pembangunan-pembangunan masjid yang sedia ada agar dapat menampung jemaah lebih ramai lagi. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian ini melalui Jabatan Agama telah pun mengambil tindakan tersebut, malahan setengah-setengah masjid itu telah mencapai peringkat maksima pembesarannya. Dari masa ke semasa Kementerian ini sedang mengkaji untuk mengambil langkah-langkah mengatasi perkara tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga bahawa di Wilayah Persekutuan ini terdapat 26 buah masjid dan sebanyak 11 buah surau yang telah dibenarkan untuk diadakan sembahyang Jumaat oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, akhirnya, sukalah saya membuat ringkasan sekali lagi, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat semua dalam Dewan yang mulia ini bahawa tujuan utama pembinaan aerobus adalah untuk memperbaiki sistem pengangkutan dengan lebih berkesan dan selesa kepada penduduk-penduduk Kuala Lumpur. Dalam pada itu Kementerian saya akan juga mengambil kira tentang kebajikan pengguna-pengguna aerobus dan tidak hanya memikirkan keuntungan semata-mata. Seperti juga yang telah saya nyatakan kelmarin memang telah ada dasar mengenai setinggan dan mereka dibenarkan tinggal sehingga kawasan tersebut diperlukan untuk pembangunan. Dalam pada itu Kementerian saya adalah mengawasi pergerakan setinggan dan menjalankan pengawalan ke atas perkembangan penempatan setinggan yang sedia ada dan pertumbuhan penempatan setinggan yang baru. Kawalan dan rondaan yang ketat dilakukan dari masa ke semasa serta merobohkan rumah-rumah setinggan yang baru yang tidak digalakkan.

Mengenai dengan rumah pangsa, Kerajaan dengan kerjasama pihak swasta sentiasa berusaha supaya rumah kos rendah yang dibina dapat menampung semua atau sebahagian besar keperluan penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan. Kadar kenaikan sewa yang dikenakan agak tinggi perbezanya dibandingkan dengan kadar sewa yang lama kerana telah lama kajian tidak dibuat. Walau bagaimanapun untuk masa-masa akan datang kajian mengenai sewa ini akan dibuat dalam masa dua atau tiga tahun sekali.

Tuan Pengerusi, akhirnya sukalah saya sekali lagi mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sempat mengambil bahagian dalam membahaskan Belanjawan 1984 untuk Kementerian Wilayah Persekutuan. Sekian.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$15,213,100 untuk Maksud B. 19 di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$15,213,100 untuk Maksud B. 19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1984.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$47,400,130 yang disebutkan dalam Maksud P. 19 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$47,400,130 untuk Maksud P. 19 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1984.

Maksud B. 20 (Jadual)—

Maksud P. 20 (Anggaran Pembangunan, 1984)—

3.58 ptg.

Wan Mohd Najib bin Wan Mohamad: Tuan Pengerusi, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang Belanjawan bagi Kementerian Perusahaan Utama, dalam Program 8—Lembaga Tembakau Negara dan juga muka surat 177 P. 20, Butiran (Projek) 4. Butiran 8 tadi dalam B. 20.

Tuan Pengerusi, Lembaga Tembakau Negara yang telah ditubuhkan bertujuan untuk mengawal, memaju dan memodenkan perusahaan tembakau demi untuk meningkat taraf sosio-ekonomi penduduk luar bandar dengan meningkatkan lagi mutu hasil daya pengeluaran tembakau virginia awitan panas Malaysia. Dengan tujuan ini industri tembakau ini telah pun berjaya menyediakan punca-punca kehidupan dan mata pencarian kepada lebih kurang 375,000 orang yang terlibat dan juga tanggungannya dan kira-kira sebanyak 300,000 daripadanya adalah petani dan pengawit serta tanggungan-tanggungan mereka dan ini merupakan sebanyak 95% adalah terdiri daripada bumiputera. Mengikut penanam berdaftar kepada Lembaga Tembakau Negara terdapat kira-kira 44,000 orang petani, ini juga kira-kira 90% petani ini terdiri daripada petani di negeri Kelantan dan juga negeri Terengganu. Ini adalah merupakan kajian dan penilaian yang dibuat oleh pihak pekilang. Tetapi angka yang terlibat sebenarnya sekarang ini adalah melebihi daripada itu iaitu kira-kira sebanyak 120,000 petani luar bandar yang bergantung hidup dengan penanaman tembakau dan ini termasuk pengawit-pengawit dan tanggungan-tanggungan mereka yang

terlibat sebenarnya dengan industri tembakau, ini adalah melebihi angka yang saya sebutkan di atas tadi.

Inilah kejayaan perusahaan ataupun industri tembakau ini untuk meninggikan taraf sosio-ekonomi penduduk luar bandar. Usahanya telah mendatangkan hasil lumayan kepada para petani. Misalnya satu hektar tanah yang ditanam lebih kurang 5,000 pokok setahun boleh menghasilkan lebih kurang \$3,000 lebih dalam masa setahun, adalah lebih tinggi daripada tanaman-tanaman yang ditanamkan sayur kira-kira hanya \$2,000 sahaja dan tanaman keledak \$1,500; tanaman kacang dalam \$1,100; jagung \$700 dan tanaman padi hanya \$1,000 sahaja. Jadi tembakau ini telah memberikan hasil yang tinggi kepada para petani-petani. Pendapatan mereka di negeri Kelantan dan Terengganu kira-kira dalam setahun ialah sebanyak \$4,500 iaitu 57% daripada pendapatan petani biasa, lebih tinggi daripada pendapatan petani biasa. Dengan sebab itulah setengah-setengah tempat petani-petani ini membantah untuk binaan taliair atau tanaman padi dua kali setahun; mereka lebih suka untuk tanaman tembakau.

Sekarang ini terdapat 333 pusat pengawit tembakau, antaranya sebanyak 217 di Kelantan; 49 di Terengganu dan 67 di negeri-negeri Pantai Barat dan Kira-kira 83% pusat-pusat pengawit berdaftar ini dipunyai oleh pengusaha Bumiputera. Mereka ini adalah membeli daun-daun hijau dari petani kemudian mengawit dan membungkusnya untuk dijual ke kilang.

Tuan Pengerusi, apa yang menjadi kegelisahan dan kebimbangan para petani dan pengawit tembakau ialah industri tembakau ini telah pun menurun dan juga makin merosot akibat dari penurunan kuota yang tidak mengikut Rancangan Malaysia

yang dirangka satu masa dahulu iaitu yang lebih terkenal dengan nama "Buku Merah". Misalnya, kuota yang telah dibeli pada tahun 1982 sebanyak 10.2 juta kilogram, sepatutnya mengikut rancangan itu 10.4 juta kilogram. Dan pada tahun 1983 kuota yang dibeli hanya 9.4 juta kilogram, telah menurun dan pada tahun 1984 kuota ini telah menurun lagi pembeliannya sebanyak 8.2 juta, kira-kira kalau kita bandingkan dengan rancangan yang dirancangan dijangka akan mendapatkan 12 juta kilogram.

Jadi penurunan kuota pembelian tembakau yang ditetapkan oleh pengilang-pengilang ini disebabkan oleh beberapa sebab. Pertama, oleh sebab import kemasukan rokok-rokok luar negeri iaitu "finished product" daripada American Blend yang berleluasa sehingga meningkat kepada 14% di dalam pusingan ataupun circulation, dengan izin, yang sudah tentu menjejaskan penggunaan rokok pengeluaran dalam negeri.

Walaupun Kerajaan telah menaikkan cukai import sebanyak dua kali iaitu pada bulan Oktober 1982 dan juga pada bulan Julai 1983 bagi tujuan meningkatkan penggunaan rokok dan tembakau tempatan selain daripada untuk menambahkan pendapatan negara, tetapi kemasukan import rokok "finished product" ini tidak juga berkurangan dan terjejas apa-apa. Kemasukannya ialah tidak begitu terjejas, sebaliknya dengan kadar cukai yang baru ini telah pun menyebabkan penurunan dan pengurangan sebanyak 14% di dalam penggunaan rokok buatan tempatan pada awal tahun 1983.

Akibat daripada pengurangan sebanyak 14% dalam penggunaan rokok ini telah pun menjejaskan permintaan kepada tembakau tempatan, telah jatuh sebanyak 10% walaupun hasrat Kerajaan untuk menaikkan cukai itu adalah untuk

menambahkan penggunaan tembakau tempatan. Begitu juga di dalam meningkatkan pendapatan negara daripada industri tembakau ini. Pada tahun 1982 Kerajaan telah menerima hasil sebanyak \$520 juta, kira-kira 8% daripada jumlah cukai yang diperolehi daripada semua sektor industri pada tahun 1982 itu, tetapi dengan penurunan 14% penggunaan rokok awal tahun 1983 akibat dari kenaikan cukai pada bulan Oktober, 1982 dengan hasrat Kerajaan menambahkan hasil dianggarkan sebanyak \$758 juta itu, mungkin tidak akan tercapai dan akan berkurangan dan susutan cukai lebih banyak lagi mungkin akan berlaku.

Jadi dengan kenaikan kadar cukai keluaran tembakau tempatan pada Julai 1983 akan mengakibatkan lebih banyak lagi penurunan di dalam penggunaan tembakau tempatan yang berkemungkinan pengurangannya akan sampai ke paras 20% dan ini sudah tentu akan membawa kesan yang hebat dan mendukacitakan kepada sektor industri tembakau di negara ini.

Implikasi kepada Kerajaan ialah pendapatan hasilnya akan berkurangan kira-kira sebanyak \$160 juta selain daripada implikasi yang akan dirasai oleh 300,000 orang keluarga petani yang mendapat pendapatan yang akan berkurangan oleh mereka daripada yang dinikmati sekarang sebagaimana saya sebut tadi sebanyak \$4,500 setahun dan dengan ini 300,000 petani mungkin akan mendapat pendapatan yang kurang daripada \$4,500 setahun dan tidak kurang pula daripada itu sebanyak lebih 17,000 orang yang akan kehilangan pekerjaan di dalam sektor pertanian tembakau ini dan pengurangan bilangan pekerjaan di dalam industri tembakau akan juga berlaku. Pengawit-pengawit baru dan kecil sudah tentu akan kerugian besar dan lari meninggalkan sektor industri

ini. Oleh itu saya mencadangkan supaya Kerajaan memberhentikan atau menahankan kemasukan rokok "finished product" daripada luar negeri.

Yang kedua, saya juga mencadangkan supaya mengurangkan kadar kemasukan tembakau import dari luar negeri kerana sekarang ini kita masih lagi mengimport sebanyak 40% tembakau bagi memenuhi mutu dan keperluan jenis yang dikehendaki oleh jenama-jenama rokok ini. Mungkin kadar ini boleh dikurangkan sekiranya mutu tembakau kita dinaikkan atau dibaiki.

Yang ketiga, untuk menaikkan mutu itu Kementerian ini hendaklah menyusuli ataupun bertanya khabar tentang hasil penyelidikan yang dilakukan oleh MARDI setelah \$5 juta diperuntukkan bagi menghasilkan mutu jenis tembakau yang baik pada 4-5 tahun yang lampau, rasanya kalau tidak silap saya. Sejauh manakah penyelidikan telah berjalan dan mencapai kehendak-kehendak Kerajaan bagi membaiki mutu tembakau ini.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi, kerana pengkajian dan penyelidikan ini amat perlu bagi memperbaiki hasil dan mutu daun yang baik dengan membaiki cara-cara penanaman dan juga pemerosesan, penyelidikan ini akan ditumpukan kepada penggunaan baja, jentera ladang yang khas, sistem perairan semburan dan juga kajian daun tembakau dan sebagainya yang akan menaikkan mutu kepada daun tembakau ini.

Begitu juga di peringkat pengawit yang memproses daun-daun itu mestilah mencuba dan mengeksperimenkan dengan bangsal-bangsal atau ban-ban pengawit secara besar-besaran yang menggunakan kuasa elektrik ataupun mungkin kuasa

solar atau kuasa matahari yang sudah tentu akan mengurangkan kos dan masa mengawit di samping memberi daya pengeluaran yang lebih dan mutu yang baik kepada keluaran tembakau kita, dan di peringkat kilang pula akan meningkatkan daya pengeluaran hasil daripada pelaburannya. Jadi dengan kemajuan teknologi sudah tentu akan menjadi pelaburan yang besar yang akan berterusan bagi para pengilang. Dengan ini kemungkinan besar para pengilang akan memulih semula kuota-kuota pembelian ke tahap yang menguntungkan.

Tuan Pengerusi, dengan mutu yang tinggi yang akan dihasilkan itu maka harapan negara kita akan mengeluarkan tembakau 100% bagi keperluan negara kita walaupun terdapat usaha kilang untuk mengurangkan import dan menambah pembelian tembakau tempatan sebanyak yang boleh, iaitu melebihi daripada 60% daripada tahap yang ada sekarang, dan kerana 60% daripada tahap yang ada sekarang telah menjimatkan negara kita sebanyak \$200 juta setahun di dalam pertukaran wang asing dengan penggunaan sebanyak 60% sahaja tembakau tempatan. Dan apabila terdapatnya pengeluaran dan mutu tembakau tempatan ini yang bertambah baik jadi harapan dan usaha kilang ini hendaklah diambil kira dan diberi perhatian dan tindakan yang sewajarnya oleh Kerajaan di dalam penyelidikan harus diambil.

Tuan Pengerusi, dengan adanya dasar Kerajaan tidak menggalakkan rakyatnya merokok—anti merokok dan juga tanda amaran di kotak-kotak rokok—“Bahaya Merokok” maka Kerajaan telah mengenakan cukai yang tinggi terhadap pengeluaran rokok. Begitu juga larangan merokok di bilik-bilik mesyuarat dan tempat-tempat awam tertentu sudah tentu sedikit sebanyak akan menjejaskan penggunaan rokok. Walau

bagaimanapun, kesan-kesannya tidak begitu ketara terhadap penggunaan rokok dan tembakau tempatan kerana adanya kemasukan rokok dari luar negeri yang berleluasa. Oleh itu bagi meneruskan perkembangan industri tembakau ini dan juga untuk mengetahui kesan-kesannya maka kemasukan rokok, finished product, dengan izin, dari luar negeri ini hendaklah ditutup.

Oleh itu, Kerajaan mestilah membuat sesuatu yang lebih positif bagi mencapai hasrat dan cita-cita Kerajaan untuk mengekalkan prestasi pengeluaran tembakau tempatan dan menambahkan pendapatan negara di dalam konteks Kerajaan kita tidak menggalakkan rakyatnya supaya merokok. Dengan hasrat murni Kerajaan ini hendaknya tidak akan menjejaskan rakyatnya yang seramai 350,000 pekerja yang punca kehidupannya bergantung kepada industri tembakau ini yang kira-kira 300,000 daripadanya adalah petani-petani dan pengawit yang bergantung semata-mata kepada industri ini. Oleh kerana perusahaan tembakau ini merupakan pertanian moden dan komersial kepada petani maka ianya telah menaikkan pendapatan para petani begitu mendadak sekali. Dengan ini juga taraf kehidupan para petani telah meningkat ketahap yang lebih baik di negeri Kelantan dan negeri Terengganu, lebih-lebih lagi apabila tanah beris berpasir yang tidak berguna selama ini dapat dijadikan tanah produktif yang akan menyebabkan bilangan para petani yang mendapat pendapatan yang lebih baik lagi adalah bertambah.

Bagi masa hadapan harapan kita bukan sahaja industri tembakau ini merupakan keperluan tempatan sebanyak 60% sahaja tetapi akan merupakan cukup bagi keperluan negara tanpa lagi import dari luar negeri. Sebaliknya akan merupakan negara pengeksport tembakau apabila

para petani dengan kerjasama pengawit-pengawit dapat meningkatkan mutu dan pengeluaran tembakau. Dengan memperbaiki daya pengeluaran dan kos yang kurang.

Tuan Pengerusi, dengan menghasilkan mutu daun yang baik dan kos pengeluaran yang berkurangan maka sudah barang tentulah dan berkemungkinan besar negara kita bukan sahaja dapat mengurangkan import tetapi dapat pula mengeksport keluaran negara kita. Dengan ini sudah tentulah akan berkaitan di dalam penambahan pekerjaan, pendapatan, taraf hidup yang lebih baik di kawasan luar bandar yang terlibat dengan tembakau ini.

Oleh kerana sumbangan industri tembakau ini merupakan yang penting kepada ekonomi Malaysia dalam mewujudkan pekerjaan, pembangunan luar bandar dan menambah pendapatan Kerajaan serta mempunyai potensi untuk dieksport maka hendaklah Kerajaan membaiki kedudukan industri ini dengan melalui perubahan teknologi ataupun dengan adanya latihan-latihan teknik yang baru dan yang lebih moden yang produktif diperkenalkan kepada petani dan pengawit. Sudah tentu mutu yang baik dengan pengeluaran bertambah akan dapat dihasilkan agar nilai industri tembakau yang melibatkan jualan rokok dan keluaran tembakau yang berjumlah sebanyak 1.2 billion dalam tahun 1982 akan meningkat lagi dalam tahun ini dan dalam tahun hadapan dengan adanya pertolongan dan usaha Kerajaan yang positif ke arah kemajuan industri ini. Akibat daripada pengurangan quota ini, bukan sahaja pengawit baru atau kecil terpaksa berhenti atau menutup ban-ban mereka dengan menjualnya tetapi juga berlaku perlambakan pengeluaran. Akibatnya gred tembakau mengikut penawaran atau permintaan (demand and supply) telah dilakukan dalam menggedkan tembakau ini.

Jika penawaran banyak pihak kilang akan membeli gred 1 dan 2 iaitu gred baik sahaja dan begitulah seterusnya akan ditinggalkan gred-gred yang kurang baik.

Sekarang ini harga mengikut gred sepanjang yang saya tahu adalah memuaskan, itu sebagaimana yang saya tahu. Misalnya, gred 1 sebanyak \$14.50 sekilogram dan juga gred 2 sebanyak \$12.70 sekilogram. Ini merupakan gred yang tinggi. Dan gred yang ke-3 sebanyak \$12.10; ke-4 \$9.00 sekilogram. Ini merupakan gred yang sederhana. Yang kelima ialah \$8.05 sekilogram. Ke-6 \$5.20 sekilogram. Ini merupakan gred yang rendah. Dan harga yang ditentukan ini adalah memberi keputusan kepada para petani. Pembelian yang dilakukan oleh kilang-kilang ialah gred 1 dan gred 2 iaitu gred yang tinggi. Ini berlaku sebanyak di antara 40% hingga 45%. Gred 3-4 iaitu gred yang sederhana di antara 40% dan gred 5-6 iaitu gred yang rendah sebanyak 15% hingga 20%. Tetapi masalahnya ialah penentuan gred inilah yang menjadi kilang-kilang kadang-kadang membeli tembakau dengan harga yang murah dan tidak berpatutan.

Misalnya, tembakau itu boleh dibeli dengan gred 1 dan gred 2 tetapi dibayar dengan gred 3. Begitulah juga yang boleh dibeli dengan gred 3 atau 4 dibeli dengan gred 5 atau 6. Jadi apabila masalah kesilapan gred ini dikenakan kepada pengawit-pengawit maka kesan dan akibatnya akan dapat dirasai oleh penanam-penanam iaitu para petani-petani yang juga tidak begitu mahir tentang gred-gred ini. Kalau pembeli atau pengawit katakan dibayar dengan gred 3 atau lebih rendah sekalipun terpaksa juga menerima bayaran ini, kalau tidak daun itu akan rosak dan dibuang begitu sahaja.

Inilah implikasinya kalau sekiranya daun tembakau itu tidak dibeli walaupun dinilai dengan gred yang

murah. Walaupun garis panduan untuk menggred itu telah dikeluarkan tetapi terdapat pengilang-pengilang membeli dengan harga yang rendah tetap juga berlaku. Oleh itu, saya minta pihak Kerajaan ataupun pihak LTN mengadakan satu badan atau jawatankuasa penguatkuasa yang akan menentukan gred ini berjalan dengan baik. Mereka ini biarlah terdiri daripada mereka yang benar-benar mahir dan pakar-pakar yang boleh menentukan mutu dan gred daun tembakau ini, agar gred yang sesuai dan berpatutan dikenakan kepada pengawit. Tidakkah lagi kuasa menggred ini terletak kepada kilang semata-mata.

Kalau sekiranya cadangan saya ini telah pun berlaku dan telah pun berjalan sekarang ini oleh pihak Kementerian maka tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas hendaklah dijalankan agar tidak akan berlaku sebarang perkara yang tidak adil kepada pihak petani dan juga pihak pengawit.

Itulah dalam ucapan saya untuk menyokong Belanjawan di dalam program yang saya sebutkan tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Kemaman.

4.20 ptg.

Tuan Ismail bin Said (Kemaman): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh B. 20 muka surat 165, Butiran 1100, Program 2 (b) Pengurusan Sumber Hutan.

Tuan Pengerusi, di bawah Program ini terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kementerian ini yang telah menyedari betapa mustahaknya sumber hutan di negara kita. Di bawah Program ini juga pihak Kementerian ini, saya telah difahamkan, telah pun mewujudkan satu projek yang diberi nama Hutan

Simpan Kekal (Permanent Forest Reserve).

Jadi saya percaya dengan adanya projek ini hutan di negara kita tidak akan menjadi pupus di satu hari nanti. Tetapi mengikut statistik yang ada pada saya setakat ini, sebagaimana mengikut laporan Majlis Perhutanan Negara, jumlah Hutan Simpan Kekal telah dikurangkan daripada 7.2 juta hektar pada tahun 1977 kepada 6.8 juta hektar bagi tahun 1981. Demikian juga dengan jumlah kawasan hutan yang akan dijadikan sebagai cadangan Hutan Simpan Kekal turut juga dikurangkan daripada 5.18 juta hektar pada tahun 1977 kepada 4.9 juta hektar pada tahun 1981.

Tuan Pengerusi, satu persoalan timbul di kepala saya, mengapakah Kementerian ini mempunyai perancangan demikian rupa dan apakah rasionalnya di sebalik rancangan ini kerana sepatutnya oleh kerana kita menyedari tentang mustahaknya sumber hutan di masa-masa yang akan datang, sama ada dari segi bekalan balak dan juga dari segi pengaruhnya kepada ekologi, kenapa pihak Kementerian mengurangkan jumlah kawasan Hutan Simpan Kekal dan juga cadangan kawasan Hutan Simpan Kekal. Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, pengurangan yang saya maksudkan ini lebih ketara sekali berlaku di Negeri Johor, kalau tidak silap saya kira-kira 43%. Ini pada hemat saya ialah satu perkara yang memerlukan penjelasan yang lanjut. Bagi saya pengurangan kawasan Hutan Simpan Kekal dan juga pengurangan cadangan kawasan Hutan Simpan Kekal ini tidak seharusnya dilakukan, namun demikian saya berharap supaya pihak Kementerian ini mengkaji tentang kedudukan Hutan Simpan Kekal yang terdapat di seluruh negara ini.

Tuan Pengerusi, sebagaimana yang dimatlamatkan dalam Dasar Perhutanan Negara, konsep penubuhan Hutan Simpan Kekal telah pun diterima pakai oleh negeri-negeri di mana sempadan luar hutan simpan dikehendaki ditentukan dan ditetapkan untuk menjamin kekekalan hakmiliknya bagi pembangunan sumber hutan di masa-masa akan datang. Itulah sebabnya di dalam Rancangan Malaysia Ketiga projek pengukuran sempadan luar hutan simpan telah dijadikan sebagai program yang terpenting di bawah Jabatan Perhutanan.

Walau bagaimanapun, adalah agak mendukacitakan sedikit kerana didapati kerja-kerja mengukur ini tergendala dan ini telah menyebabkan pelaksanaan Dasar Perhutanan Negara turut sama tergendala dan tidak dapat dilaksanakan dengan licin dan pesatnya. Jadi inilah satu masalah utama dan besar saya rasa yang dihadapi oleh Jabatan-jabatan Hutan di peringkat Negeri-negeri di dalam tanggungjawab mereka melaksanakan Dasar Perhutanan Negara ini. Jika tidak diatasi segera, boleh menjejaskan pelaksanaan dasar tersebut.

Tuan Pengerusi, izinkan saya mengambil Negeri Terengganu sebagai contoh dalam masalah ini—saya minta maaf kerana bagi Negeri Perlis saya tidak ada statistik di sini. Di Negeri Terengganu terdapat sekarang ini 44 kawasan hutan simpan dengan keluasan lebih kurang 580,000 hektar dan panjang sempadan luar lebih kurang 1,800 kilometer. Projek-projek ini telah dirancang dan dimatlamatkan siap sepenuhnya dalam Rancangan Malaysia Ketiga lagi, tetapi disebabkan oleh beberapa masalah, terutamanya kegendalaan di dalam kerja-kerja ukur sempadan hingga sekarang, projek ini belum dapat disiapkan dan masalah ini akan

memakan masa yang agak lama lagi saya rasa.

Tuan Pengerusi, sejak tahun 1976 kerja-kerja ukur sempadan luar hutan simpan yang telah dijalankan oleh Jabatan Ukur Negeri hanyalah sepanjang 230 kilometer sahaja, lebih kurang kira-kira 13% sahaja. Inilah saya rasa satu masalah dan masalah ini saya difahamkan, disebabkan oleh kurangnya keupayaan Jabatan Ukur Negeri untuk melaksanakan kerja-kerja ini. Hanya setelah kegendalaan ini berlaku dengan agak berlarutan, barulah kerja-kerja ukur ini dipersetujui diserahkan kepada Juru-ukur Berlesen dan sejak tahun 1978 sebanyak 30 kawasan hutan simpan di Negeri Terengganu telah diberikan kepada 15 buah syarikat-syarikat Juru Ukur Berlesen. Walau bagaimanapun, pemberian kerja-kerja ukur sempadan ini tidaklah dapat menyelesaikan masalah yang saya sebutkan tadi dengan sepenuhnya. Ini disebabkan kegendalaan setengah-setengah Juru Ukur Berlesen sendiri menyiapkan dan menjalankan kerja-kerja mereka.

Di Negeri Terengganu, Tuan Pengerusi, daripada jumlah 30 kawasan hutan simpan yang diberikan kepada mereka, kepada Juru Ukur Berlesen ini, hanya 12 kawasan sahaja yang telah dapat disiapkan sehingga ini dan bakinya belum lagi disiapkan. Ada setengahnya sampai separuh jalan sahaja, sementara yang lain ditinggalkan begitu sahaja, terbengkalai, dan Juru-ukur yang berkenaan telah menghilangkan diri.

Tuan Pengerusi, berdasarkan kepada masalah-masalah ini saya suka membangkitkan beberapa perkara.

Pertama, bayaran wang amanah kepada Lembaga Juru Ukur Tanah oleh Kerajaan-kerajaan Negeri berhubung dengan kerja-kerja ukur sempadan hutan simpan luar, yang saya maksudkan tadi, yang

dikehendaki dan yang telah pun dibayar oleh Kerajaan-kerajaan Negeri kepada Lembaga yang tersebut sebelum kerja-kerja ukur dijalankan. Misalnya, Negeri Terengganu telah pun membayar sejumlah wang amanah yang besar kepada Lembaga Juru Ukur Tanah tetapi kerja-kerja ukur telah lama tergendala dan tidak disiapkan. Nampaknya Lembaga Juru Ukur Tanah mendapat faedah daripada projek ini dan Kerajaan Negeri menanggung kerugian. Saya berharap agar Kementerian yang berkenaan hendaklah memandang serius tentang perkara ini.

Masalah yang kedua berbangkit, Tuan Pengerusi, ialah apakah tindakan yang telah diambil oleh Lembaga Juru Ukur Tanah ke atas Juru-juru Ukur Berlesen yang gagal melaksanakan kerja-kerja mereka yang sengaja melengah-lengahkan dan yang meninggalkan kerja-kerja mereka, ada yang tinggal sampai separuh jalan, kerana saya percaya dalam hal ini adalah dirasakan bahawa Lembaga Juru Ukur Tanah sebagai satu badan yang bertaraf iktisas yang bertanggungjawab mengawal tata tertib dan tatacara kerja-kerja syarikat Juru Ukur Berlesen. Nampaknya Lembaga ini telah gagal mengambil tindakan terhadap juru-juru ukur yang berkenaan. Jadi, saya berharap di dalam Dewan yang mulia ini, pihak Kementerian dapat mengambil suatu tindakan kerana saya percaya juru-juru ukur berlesen yang berkenaan telah pun melanggar peraturan dan syarat-syarat sebagaimana yang terdapat di dalam Ordinan Juru Ukur Tanah Berlesen (Licensed Land Surveyor Ordinance 1958).

Tuan Pengerusi, di bawah program ini juga, Program (2) (b), saya hendak menyentuh berhubung dengan catuan tebangan tahunan. Adalah difahamkan bahawa baki kawasan hutan yang boleh ditebang di negara

kita ini hari ini ialah lebih kurang seluas 4.6 juta hektar dan catuan tebangan tahunan yang dibenarkan oleh Jabatan Hutan ialah seluas lebih kurang 155,800 hektar. Jadi, mengikut sefer ini maka kawasan hutan kita akan habis ditebang pada tahun 1996 nanti, kira-kira 13 tahun lagi, Tuan Pengerusi. Ini sekali lagi nampaknya satu keadaan yang membimbangkan kita kerana sesuatu batang pokok hutan memakan masa kira-kira 50 hingga 60 tahun untuk membesar dan seterusnya boleh ditebang.

Tuan Pengerusi, bayangkanlah pada tahun 1996 nanti di mana negara kita akan menghadapi kehabisan kayu balak yang besar yang boleh dipotong dan yang boleh dibawa kepada kilang-kilang untuk diproses dijadikan sebagai kayu gergaji dan sebagainya akan kehabisan. cuba bayangkan. Mungkin ia boleh menjejaskan ekonomi negara kita teutama sekali dalam sektor perumahan ataupun mungkin pada tahun 1996 nanti kita terpaksa mengimport balak dari luar negeri dan sudah barang tentu pada ketika itu harga balak akan menjadi lebih mahal dan ianya boleh menjejaskan pertukaran wang asing dan seterusnya imbalan pembayaran negara kita. Saya berharap agar dapatlah kiranya pihak Kementerian ini mengkaji balik catuan tebangan tahunan yang dibenarkan ini. Kalau boleh hendaklah dikurangkan supaya baki hutang yang ada sekarang dapat kita gunakan.....

Tuan Pengerusi: Baki hutankah atau baki hutang Yang Berhormat?

Tuan Ismail bin Said: Hutan.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, saya tidak dengar.

Tuan Ismail bin Said: Tersasul, Tuan Pengerusi. Baki hutan kawasan hutan, Tuan Pengerusi, dapat kita gunakan dengan lebih lama lagi, kalau

boleh sampailah tahun 2000, 2010 ataupun 2020.

Tuan Pengerusi, sehubungan dengan program ini juga saya ingin menyentuh kompleks perkayuan yang diwujudkan di negara kita ini. Mengikut statistik yang ada pada saya terdapat sebanyak kira-kira 12 kompleks perkayuan kesemuanya yang melibatkan kira-kira 782 hektar kawasan hutan di mana kompleks-kompleks ini diberi satu kawasan hutan untuk dijadikan sebagai sustained yield forest, dengan izin, Tuan Pengerusi, ataupun pengeluaran hasil hutan ini berpanjangan.

Berdasarkan kepada sistem tebangan memilih (by cyclic system), Tuan Pengerusi, dengan diberi catuan tebangan tahunan, mereka ini dibenarkan menebang pokok-pokok yang berperempang besar ataupun yang mempunyai diameter yang besar sementara pokok-pokok yang berperempang kecil tidak dibenarkan dan hendaklah ditinggalkan untuk tebangan pada cycle yang akan datang. Dan juga mereka ini ditugaskan untuk menjaga, memulih dan menanam semula serta menjalankan rawatan silviculture kepada kawasan hutan yang telah ditebang. Perkara ini telah pun dinyatakan dalam syarat-syarat perjanjian hutan (concession agreement), tetapi malangnya ada setengah-setengah kompleks perkayuan tidak mematuhi syarat-syarat yang mana mereka ini tandatangan dahulu kerana mereka ini lebih mementingkan keuntungan daripada kepentingan negara. Jadi, saya berharap supaya pihak Kementerian ini agar mengambil tindakan mana-mana kompleks perkayuan yang melanggar syarat-syarat perjanjian ataupun tidak mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan dari masa ke semasa oleh perjanjian hutan, kawalan yang ketat serta rapi hendaklah diadakan selalu

agar mereka ini dapat menjalankan kegiatan membalak mereka dengan lebih teratur dan sistematik lagi dan dengan harapan yang demikian maka hutan-hutan kita dapat dipelihara dengan baik dan dapat kita wujudkan satu hutan yang mempunyai sustained yield.

Saya rasa itulah sahaja dan dengan ini saya menyokong Maksud B. 20 dan P. 20.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda.

4.37 ptg.

Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda): Tuan Pengerusi, saya tidak akan mengambil masa yang panjang di dalam membahaskan peruntukan bagi Kementerian Perusahaan Utama ini. Saya akan memulakan perbincangan pada Butiran 1100, Program (1) Pentadbiran Am, (a) Pasaran Bahan Utama dan Bahan Utama yang lain, muka surat 165 kerana pada pandangan saya pihak Kerajaan perlulah memperbanyakkan bahan-bahan untuk pasaran bagi menambah pendapatan negara yang pada masa ini masih lagi merosot.

Pada satu ketika dahulu Kerajaan ada mencadangkan supaya koko dijadikan salah satu bahan eksport utama negara. Saya rasa amat gembira dengan cadangan ini kerana dengan berjayanya program menanam koko untuk tujuan eksport maka secara langsung ianya akan melibatkan imbalan perdagangan dan membantu menambahkan pendapatan negara. Tetapi sebelum daripada Kerajaan meneruskan hasrat ini iaitu bagi menjadikan koko sebagai salah satu bahan pasaran utama, persoalannya adakah pihak Kerajaan telah mengkaji dengan mendalam iaitu mengenai prospek masa depan koko ini kerana pasaran koko adalah sebenarnya bergantung kepada dunia

luar semata-mata. Maksud saya sudahkah pihak Kerajaan mengkaji sama ada pasaran koko ini besar ataupun kecil di pasaran dunia luar kerana kajian pasaran ini adalah penting. Ianya akan melibatkan Jabatan-jabatan atau Kementerian-kementerian yang lain, misalnya Kementerian Pertanian yang berusaha untuk mengkaji bahan ini dan juga petani-petani yang akan terlibat di dalam soal penanaman. Jadi, dalam kajian masalah ini adalah satu hal yang mustahak supaya segala kegiatan yang kita jalankan tidaklah terbuang begitu sia-sia sahaja. Di samping itu apakah pendapat, pandangan Kementerian mengenai keistimewaan-keistimewaan yang terdapat pada koko ini bagi membolehkan atau bagi meyakinkan kita untuk dijadikan sebagai sebahagian daripada bahan eksport utama di samping bahan-bahan yang lain.

Bagi Butiran 1100 juga, Program (2) Perhutanan, Tuan Pengerusi. Pada pandangan setengah orang hasil balak adalah merupakan satu sumber kewangan. Dengan hal yang demikian banyak perkara soal balak ini timbul dalam negara kita. Pembalakan haram ataupun mencuri balak ini berlaku di merata tempat di dalam negara kita. Soalnya sekarang penguatkuasaan daripada Jabatan Hutan yang terletak di bawah Kementerian ini perlulah diperkukuhkan kerana masalah pembalakan haram ini adalah merupakan satu kerugian yang besar kepada Kerajaan.

Di samping itu terdapat juga penerokaan haram untuk tujuan-tujuan pertanian yang dijalankan di dalam kawasan hutan simpanan (forest reserve) ini. Ini merupakan seolah-olah ada satu sindiket bagi membuka tanah Kerajaan, kemudian setelah itu ditanam dengan bahan-bahan pertanian, ubi misalnya, untuk dijual.

Yang merugikan Kerajaan ialah cukai tanah misalnya dan juga pokok-pokok yang ditebang yang tidak dikutip royalti daripada penerokaan haram ini.

Jadi, tindakan tegas perlulah diambil oleh Jabatan Hutan kerana perkara ini adalah merugikan Kerajaan seperti yang saya sebutkan tadi.

Satu perkara lagi yang saya ingin sebutkan di sini ialah mengenai cabutan yang dibuat oleh Kerajaan-kerajaan Negeri di atas kawasan-kawasan forest reserved ini, dengan izin. Tujuannya ialah baik, Kerajaan mencadangkan ataupun mempunyai program tertentu bagi mencabut keluar kawasan hutan simpan ini untuk dijadikan projek-projek Kerajaan misalnya untuk menjadikan kawasan pertanian ataupun membuka tanah-tanah untuk rancangan tanah.

Kerajaan perlulah memberi pertimbangan kepada beberapa faktor lain, faktor sampingan yang boleh timbul hasil daripada cabutan ini. Misalnya jika sekiranya hasil daripada cabutan tanah hutan simpan ini boleh menyebabkan tertutupnya punca air ataupun akan melibatkan satu hakisan yang hebat, maka pihak Kerajaan perlulah menimbangkan perkara ini dengan lebih mendalam supaya ianya tidak akan membawa kemudaratan kepada keadaan sekeliling.

Di bawah perkara perhutanan ini juga saya ingin menyentuh mengenai penggunaan bahan-bahan kayu di Malaysia. Terbukti di negara kita bahawa peratusan penggunaan bahan kayu ini adalah rendah iaitu lebih kurang 40% sahaja. Kita hanya memotong balak dan membelah dijadikan kayu-kayu untuk dijual. Lebihan daripada kayu yang dipotong sama ada ditinggalkan di dalam hutan, ataupun lebihan yang telah diproses di kilang-kilang, dibakar, dibuang begitu sahaja.

Kementerian perlulah mengkaji dan menyelidik cara-cara bagi penggunaan lebihan bahan-bahan kayu ini supaya ianya lebih tinggi tahap penggunaannya kalau pun tidak mencapai kepada 100% boleh jadi akan lebih tinggi daripada 40% seperti yang saya sebutkan tadi pun mencukupilah, boleh jadi kita akan dapat penggunaan sehingga 80% sekurang-kurangnya.

Kita perlu sedar bahawa bekalan kayu keras tropika yang ada sekarang ini sudah makin merosot, yang tinggal hanyalah di Benua Asia ini, itu pun boleh kita khususkan bahawa tinggalnya adalah di kawasan Asia Tenggara ini. Jadi, penggunaan yang lebih kepada bahan-bahan kayu ini perlulah diusahakan oleh pihak Kementerian supaya sisa-sisanya itu tidak terbuang begitu sahaja.

Saya faham bahawa pihak Kerajaan memang ada menyediakan ataupun mengkaji dan sekarang ini memproses lebihan-lebihan kayu ini untuk dijadikan bahan bagi pembangunan iaitu untuk pembinaan bangunan-bangunan pasang siap. Itu cuma satu daripada cara yang digunakan bagi bahan-bahan kayu ini.

Jadi, saya minta supaya Kementerian dapat menambahkan lagi jumlah penggunaan bagi bahan-bahan ini.

Selain daripada itu, di bawah Butiran 2 ini juga saya mencadangkan supaya pihak Lembaga Perusahaan Kayu Malaysia berusaha bagi memajukan juga program penggunaan bahan-bahan kayu ini sepenuhnya supaya bersesuaian dengan Butiran-butiran 35 dalam B. 20 muka surat 178.

Di bawah Program (2) (d) iaitu Penyelidikan Perhutanan muka surat 165 juga, Tuan Pengerusi, saya rasa penyelidikan haruslah dibuat bagi

memulihkan semula kawasan-kawasan hutan yang telah diteroka dan harus mengadakan program menanam semula pokok-pokok balak yang telah ditebang supaya bahan ini tidak akan kehabisan. Kemudiannya kita pula terpaksa mengimport kayu-kayu dari luar yang pada masa ini kita mengimport, jadi kayu kita sudah habis, kita terpaksa pula membawa masuk kayu-kayu daripada luar. Program menanam semula kayu ini haruslah menyeluruh bagi seluruh negara sepertimana yang telah dijalankan di Negeri Sabah supaya perkara ini tidak berlaku sepertimana saranan ataupun pandangan yang telah disampaikan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kemaman tadi.

Sekian ucapan saya dan saya adalah menyokong peruntukan bagi Maksud B. 20 dan P. 20 bagi Kementerian Perusahaan Utama.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Padang Rengas.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh satu, dua perkara berkenaan dengan B. 20 dan P. 20, Kementerian Perusahaan Utama. Perkara yang pertama berkenaan dengan B. 20 muka surat 165, Butiran 1100, Program (2) berkenaan dengan perhutanan, dalam Bahagian (b) dan (c).

Tuan Pengerusi, saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya atas dasar Kerajaan mengharamkan 11 jenis lagi eksport kayu balak keluar negeri. Ini bermakna hingga setakat ini, kalau tidak salah ingatan saya, jumlah kayu-kayu balak yang diharamkan untuk di eksport ialah 27 jenis semuanya.

Tuan Pengerusi, walau bagaimanapun nampaknya Kerajaan masih membenarkan lagi kayu-kayu balak selain daripada yang diharamkan itu untuk dieksport.

Misalnya di dalam tahun 1983 ini Kerajaan telah membenarkan kayu-kayu balak itu dieksport sebanyak 52.000 meter padu.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya Kerajaan secara beransur-ansur dari masa ke semasa mengharamkan pengeksporan kayu-kayu balak ini sehingga sampai kepada satu peringkat semua jenis kayu balak untuk dieksport ini hendaklah diharamkan. Sebagai gantinya Kerajaan patutlah mempertingkatkan pengeluaran kayu yang digergaji untuk dieksport.

Tuan Pengerusi, saya sedar cadangan ini atau saranan saya ini tidaklah popular di kalangan pembalak-pembalak bumiputera, akan tetapi demi kepentingan negara dan rakyat negara ini keseluruhannya, saya rasa cadangan ini patutlah mendapat pertimbangan daripada pihak Kerajaan.

Memanglah benar dengan mengadakan dasar atau membenarkan pengeksporan seperti masa-masa yang lepas di mana pengusaha-pengusaha balak bumiputera khususnya lebih mudah untuk mendapat kekayaan hasil daripada balak itu. Tetapi jika dikaji dengan cara mendalam bahawa tidak banyak keuntungannya dari segi kebolehan orang-orang Melayu atau bumiputera di dalam memproses kayu-kayu bagi berbagai-bagai kegunaan untuk rakyat di negeri ini. Mungkin mereka berkebolehan di dalam menentukan jenis-jenis kayu untuk dijadikan bahan eksport menerusi kayu balak seperti mana masa yang lepas.

Tuan Pengerusi, tujuan saya mencadangkan demikian supaya dapat mempesatkan lagi pertumbuhan industri perkayuan atau kilang-kilang kayu di negara ini dan pertumbuhan kilang-kilang itu hendaklah dikawal supaya ianya tidak dipusatkan di

bandar-bandar sahaja sepertimana yang berlaku sekarang. Biarlah ia bertumbuh di kawasan-kawasan luar bandar yang sudah sedia mempunyai kemudahan-kemudahan asas seperti kemudahan bekalan api, air, jalan dan sebagainya. Dengan keadaan yang demikian, kita akan dapat memberi peluang pekerjaan kepada penduduk-penduduk di kawasan luar bandar di samping menahan kemaraan mereka ke bandar-bandar. Dengan berkurangnya penghijrahan penduduk-penduduk luar bandar ke bandar-bandar itu sudah pasti akan dapat mengurangkan berbagai masalah sosial yang seringkali berlaku di bandar-bandar. Dan ini saya rasa adalah bersesuaian dengan semangat Dasar Ekonomi Baru negara kita, supaya kilang-kilang perusahaan yang menggunakan bahan-bahan tempatan itu patutlah diwujudkan sebanyak mungkin di kawasan luar bandar untuk menambahkan mata pencarian penduduk-penduduk di kawasan luar bandar.

Di samping itu dengan wujudnya kilang-kilang papan di kawasan luar bandar, kita berharap akan bercambah pula perusahaan-perusahaan kecil di kawasan luar bandar yang boleh mengadakan bengkel-bengkel untuk membuat barang-barang seperti perabot rumah daripada kayu-kayan seumpama katil, almari, kerusi, meja dan sebagainya. Dan ini satu lagi usaha bagi mengatasi masalah pengangguran di kalangan belia-belia kita di kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi, dengan pertumbuhan industri perkayuan itu, saya berpendapat sudah pasti akan menambahkan lagi sumber pendapatan negara jika dibandingkan dari segi nisbah cukai kayu balak yang dieksport, tetapi yang lebih pastinya ialah kita dapat menambahkan sebagaimana saya katakan tadi, peluang-peluang pekerjaan dan

sumber mata pencarian rakyat sebagaimana yang dikehendaki oleh Dasar Ekonomi Baru negara kita.

Tuan Pengerusi, saya berharap pandangan-pandangan ini akan mendapat perhatian yang sewajarnya daripada Kementerian yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi suka saya menarik perhatian Dewan yang mulia ini berkenaan dengan penanaman pokok Yamani. Saya tidak faham apakah tujuan sebenarnya pokok-pokok Yamani ini ditanam begitu banyak. Tiap-tiap tahun barangkali berpuluh ribu ringgit wang digunakan untuk belanja menguruskan hutan-hutan Yamani ini tetapi sejak 20 tahun yang lalu saya belum pernah melihat pokok Yamani itu digunakan untuk apa-apa tujuan selain daripada menahan hakisan-hakisan tanah.

Tuan Pengerusi, sebagai contohnya ialah kawasan hutan Yamani di sepanjang jalan dari Kati Estate membawa ke Jenali Hulu dalam kawasan saya. Saya rasa kalau kawasan hutan pokok Yamani ini tidak memberi apa-apa faedah kepada Jabatan Hutan, saya fikir adalah lebih baik tanah-tanah itu diserahkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memberikannya kepada rakyat supaya dapat dijadikan tempat bercucuk tanam di samping dapat mengurangkan beban kerja dan juga perbelanjaan mengurus Jabatan Hutan sendiri. Ini langkah yang lebih menasabah, Tuan Pengerusi.

Oleh sebab itu saya berharap bahawa pihak Jabatan Hutan akan dapat membuat kajian tentang peri pentingnya atau mustahaknya hutan pokok Yamani itu dikekalkan dan patutlah dijelaskan kepada rakyat bahawa pokok-pokok Yamani ini boleh digunakan untuk sesuatu tujuan. Walaupun pada mula-mula

dahulu, saya difahamkan ataupun saya telah difahamkan bahawa tujuan ditanam pokok-pokok Yamani ini kerana hendak menahan hakisan air, supaya tanah-tanah yang diteroka pada zaman Jepun dahulu tidak mudah dihakiskan oleh air. Pokok-pokok Yamani itu satu jenis pokok yang mudah tumbuh seperti pokok ubi kayu, apabila dicampakkan sahaja dengan senang bertumbuh dan kalau hendak dimusnahkan pula, sukar dia mati. Kalau 10 kali dicincang, 10 kali pula pokok itu naik, lagi banyak dicincang lagi cepat dia naik.

Jadi memanglah menasabah dan sesuai, kerana pada masa itu tidak ramai barangkali rakyat yang memerlukan kawasan-kawasan pertanian, tetapi pada masa ini oleh sebab pertambahan yang pesat penduduk di negara kita ini selepas 30 tahun yang lalu, maka keperluan kepada tanah itu telah begitu mendesak. Oleh sebab itu, mereka sekarang bertanya-tanya mengapakah pihak Jabatan Hutan masih menyimpan kawasan hutan Yamani itu, sedangkan tidak memberi apa-apa hasil dan manfaat? Kalau tujuannya dikatakan untuk menahan hakisan tanah semata-mata apakah bezanya kalau tanah-tanah itu diberikan kepada rakyat untuk ditanam dengan pokok-pokok yang boleh memberi manfaat kepada rakyat seperti tanaman getah, kelapa sawit dan lain-lain di samping dapat menahan hakisan tanah, maka tanah-tanah itu juga dapat ditingkatkan mempunyai nilai ekonomi yang berfaedah kepada rakyat dan juga Kerajaan.

Dan ada juga cerita mengenai kayu Yamani ini boleh dibuat anak mancis api, tetapi oleh kerana jenis ini rapuh dan mudah patah, maka dengan sebab itu tidak ada pengusaha yang berminat untuk mengambil kayu-kayu ini dijadikan perusahaan untuk membuat anak mancis api. Barangkali sebab itulah pokok-pokok Yamani ini terus

terbiar. Apa yang paling anihnya, dalam akhir tahun atau pertengahan tahun lepas pihak Jabatan Hutan mengupah pula orang ramai mengutip benih-benih pokok Yamani itu. Daripada tindakan itu, saya nampak boleh jadi Kerajaan hendak memperluaskan lagi kawasan hutan Yamani. Jadi ini lagi menimbul kekeliruan pada saya. Kawasan yang ada itu pun tidak ada apa-apa digunakan secara tertentu dan ini hendak diperluaskan lagi pula dengan cara memungut benih-benih pokok Yamani itu.

Walau bagaimanapun, saya amatlah sukacita kerana pihak Yang Berhormat Menteri yang berkenaan akan dapat menjelaskan kedudukan yang sebenarnya supaya dapat difahami oleh rakyat seluruhnya.

Tuan Pengerusi, sekarang saya beralih kepada Maksud Bekalan 20 muka surat 165, butiran 1100 Program (3) berkenaan dengan Galian pecahan (c) Penyiasatan, Penyelidikan dan Latihan.

Saya ingin menyentuh berkenaan dengan bijih timah. Walaupun permintaan timah dunia di dalam tahun 1983 ini dijangka lembab disebabkan oleh timah dagangan yang berlebihan yang terdapat di dalam pasaran Timah Antarabangsa serta penggunaan bahan pengganti timah yang meningkat tetapi Kerajaan perlu mempertingkatkan usaha menyasiat dan menyelidik bahan-bahan yang tersebut agar industri perlombongan ini akan terus kekal dan subur dalam struktur ekonomi negara kita. Di samping menjamin khazanah yang terpendam dan berharga itu tidak membazir begitu sahaja.

Tuan Pengerusi, sepanjang pengetahuan saya usaha-usaha penyelidikan ini lebih menumpukan di kawasan daratan sahaja dan kalau ada

pun mungkin terlalu sedikit penyelidikan yang dibuat di kawasan-kawasan di perut sungai ataupun di dasar sungai ataupun laut. Tuan Pengerusi, kita mesti menerima hakikat bahawa bijih-bijih itu bukan sahaja terdapat di daratan malah ianya boleh didapati perut-perut sungai ataupun di laut. Sebagai contohnya, saya suka menarik perhatian Dewan ini bahawa di negeri Perak ada sebuah syarikat lombong bernama Timah Matang Sdn Bhd. Waktu syarikat ini menjalankan operasinya dengan menggunakan kapal korek di sebuah sungai di dalam kawasan Matang, pendapatannya lebih kurang 150 pikul sehari. Ini membuktikan bahawa di dasar-dasar sungai juga banyak didapati bijih. Dan selain daripada itu kita juga pernah mendengar beberapa tangkapan-tangkapan telah dibuat ke atas mereka yang menjalankan kegiatan mencuri bijih di dasar-dasar laut dengan menggunakan jentera iaitu di kawasan perajiran di Pulau Pangkor dan Lumut.

Tuan Pengerusi, saya berharap badan penyelidikan ini akan memberi perhatian yang wajar di atas pandangan saya ini, kalau pun tidak boleh dilakukan sekarang ini secara aktif tetapi kajian awal untuk mengenal-pasti kawasan-kawasan di dasar-dasar sungai itu perlu dibuat supaya khazanah-khazanah yang berharga itu tidak akan menjadi sia-sia sahaja.

Tuan Pengerusi, selain daripada usaha mencari sumber-sumber hasil galian itu saya berharap badan ini juga patut mencari jalan untuk mengurangkan kos pengeluaran di sektor perlombongan ini. Dengan menggunakan teknik-teknik yang baru atau teknologi moden supaya pengusaha-pengusaha kecil dapat bergiat di sektor perlombongan ini, seperti pelombong-pelombong pam kelikir yang dibuat oleh pelombong-pelombong bumiputera. Kita tahu

kaum bumiputera telah mula berminat untuk menceburkan diri di dalam sektor atau industri perlombongan ini hasil daripada bimbingan dan khidmat nasihat daripada pihak Kerajaan, khususnya Kementerian Perusahaan Utama ini. Akan tetapi oleh sebab mereka terpaksa menghadapi kos pengeluaran yang begitu tinggi maka kadangkala telah menimbulkan juga atau melemahkan semangat mereka untuk terus berkecimpung di dalam industri perlombongan ini disebabkan kadangkala mereka menghadapi kerugian yang besar. Dengan menggunakan pendekatan yang baru dan murah belanjanya saya fikir akan memberi peluang yang besar kepada pelombong-pelombong kecil bumiputera yang saya katakan tadi telah mula berminat dengan industri perlombongan ini. Di samping menjamin supaya mereka tidak terus menanggung kerugian akibat kos pengeluaran yang terlalu tinggi.

Tuan Pengerusi, saya juga berharap Kerajaan akan dapat mengadakan usaha sama dengan rakan-rakannya yang menjadi ahli dalam Persatuan Negara-negara Pengeluar Timah Dunia bagi mempertingkatkan lagi bidang penyelidikan penggunaan timah di dunia, kerana memandangkan betapa hebatnya cabaran-cabaran penggunaan bahan pengganti timah yang kian meningkat.

Tuan Pengerusi, saya juga berharap Kerajaan akan terus berusaha mempertingkatkan pertumbuhan industri yang menggunakan bahan-bahan utama di negara ini. Usaha yang positif seperti ini sudah pasti akan memberikan manfaat yang tidak terhingga kepada kepentingan rakyat dan ekonomi negara pada keseluruhannya.

Maka dengan ini, saya menyokong Anggaran Perbelanjaan Kementerian ini yang terkandung dalam B. 20 dan P. 20.

Tuan Pengerusi: Saya menjemput Timbalan Menteri menjawab bagi pihak Menteri berkenaan.

5.07 ptg.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Pengerusi, saya mohon izin untuk menjawab hujah-hujah yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada empat kawasan yang telah bercakap mengenai aktiviti-aktiviti di bawah Kementerian saya dan saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih atas saranan ataupun rekomendasi-rekomendasi yang telah dikemukakan.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Pasir Putih mengenai langkah bagi memajukan lagi industri tembakau di negara kita ini, suka saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat—yang tidak ada sini sekarang ini nampaknya—bahawa Kementerian saya sememangnya sentiasa berusaha untuk memajukan industri tembakau. Beberapa program telah pun disusun demi untuk meningkatkan lagi daya keluaran dan kualiti tembakau dihasilkan oleh penanam-penanam daripada negara kita. Semenjak tahun 1978, Lembaga Tembakau Negara telah melaksanakan skim subsidi baja di mana di bawah skim ini penanaman tersebut diberi subsidi sebanyak 75% daripada harga-harga baja yang mereka beli. Mulai bulan Oktober tahun ini pula LTN telah melaksanakan skim kredit imput racun serangga, dan racun kulat dan racun ceding. Di samping itu, LTN juga telah melaksanakan beberapa program pengembangan demi untuk menggalakkan penanaman anak-anak ataupun mengambil baka-baka yang baik. Langkah-langkah ini akan dapat meningkatkan lagi daya keluaran dan

mutu tembakau yang dihasilkan oleh negara kita. Tetapi, di samping itu, Kementerian saya juga sentiasa menyusuli segala aktiviti penyelidikan tembakau dilaksanakan oleh MARDI. Di dalam penyelidikannya, MARDI telah dapat mengatasi beberapa masalah terutama sekali masalah kekurangan baja bagi tanaman tembakau di tanah beris.

Selain dari itu, MARDI juga telah membuat kajian-kajian yang berkaitan dengan racun serangga, racun kulat dan racun ceding. syor-syor MARDI mengenai perkara ini telah pun dilaksanakan. Hasil daripada penyelidikan yang dijalankan oleh MARDI juga telah mengumpulkan beberapa syor termasuk cara-cara menceding dan juga teknik-teknik penanaman tembakau di tanah beris yang menggunakan sprinkler.

Tuan Pengerusi, perlu saya syorkan kepada Ahli Yang Berhormat mengenai kemajuan dari segi menggunakan springler ini, satu kawasan tanaman tembakau yang sekarang ada di Alor Ketitir menunjukkan satu bukti kejayaan yang telah tercapai oleh pihak MARDI dengan kerjasama pihak MTC dan juga LTN. Jadi, kalau ada masa Ahli Yang Berhormat bolehlah melawat ke tempat yang saya sebutkan itu.

Berhubung dengan pengurangan qota pula, suka saya menjelaskan di sini pengurangan qota itu adalah disebabkan pengurangan permintaan tembakau daripada pengilang-pengilang rokok di negara kita. Pengurangan permintaan ini adalah disebabkan oleh kerana kemerosotan permintaan ke atas rokok. Ini adalah berikutan dari kemelesetan ekonomi dunia yang telah menyebabkan kemelesetan harga-harga beberapa komoditi seterusnya ini telah menyebabkan pengurangan permintaan rokok dari golongan

berpendapatan sederhana dan rendah di negara kita.

Di samping itu pengurangan permintaan ke atas rokok juga disebabkan kerana kenaikan harga rokok dan juga kesan dari mungkin kempen anti-merokok yang sekarang kami sedang memonitorkan kesan-kesan yang spesifik mengenai kempen anti-merokok ini. Di samping itu, peningkatan pengeluaran rokok adunan Amerika di dalam negara kita juga telah menyebabkan permintaan ke atas tembakau tempatan berkurangan. Walau bagaimanapun, permintaan ke atas tembakau tempatan akan dapat dipertingkatkan lagi sedikit demi sedikit. Apabila tembakau tempatan digunakan di dalam pengeluaran rokok adunan Amerika mulai tahun 1984.

Di samping itu, Kerajaan juga menjangka penggunaan tembakau tempatan akan terus dipertingkatkan sebanyak 2% tiap-tiap tahun dan ini adalah untuk memberi peluang kepada penambahan dan peningkatan penggunaan tembakau tempatan daripada negara kita supaya kekurangan tembakau yang dieksport ini akan dapat dipertingkatkan dan tujuannya tidak lain tidak bukan sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi ialah dengan tujuan untuk menentukan supaya penggunaan tembakau tempatan kita akan bertambah.

Satu perkara yang harus kita ingat juga ialah untuk menukar test pemerokok-pemerokok ini tidaklah boleh kita menukarkan kandungan tembakau dengan cepat dan sertamerta. Misal kata sekarang kita menggunakan 60% tembakau tempatan kemudian 40% tembakau yang diimport, di tahun akan datang kita hendak tukar 100% tembakau tempatan. Jadi, ini mengakibatkan perubahan dari segi test yang kemungkinan ia akan menurun

ataupun mengurangkan pembelian rokok daripada mereka yang merokok.

Mengenai gred-gred tembakau pula yang telah juga disentuh oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh, Kementerian saya dan LTN sentiasa akan mengawasi pelaksanaan prestasi penentuan gred dan harga tembakau hijau dan kering demi untuk menjaga kepentingan penanam-penanam dan pengawit-pengawit di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kemaman dan ramai juga Ahli-ahli Yang Berhormat dari kawasan lain seperti Ulu Muda, Padang Rengas dan sebagainya telah menyentuh mengenai apa yang dikatakan Dasar Perhutanan Negara. Yang Berhormat dari Kemaman telah menyoalkan Kementerian, apakah tujuan Kementerian untuk mewujudkan dasar ini di negara kita. Kita wujudkan dasar perhutanan di negara kita tidak lain dan tidak bukan ialah untuk menentukan supaya kita sentiasa dapat bekalan kayu-kayan di negara kita ini tidak putus-putus dan kalau timbul krisis dalam tahun 1990 yang kita jangka sekiranya kita tidak mempunyai dasar tertentu kita akan sentiasa dapat bekalan yang cukup untuk industri-industri kayu-kayan di negara kita ini. Langkah-langkah yang diambil ke arah pencapaian matlamat ini adalah berbagai-bagai, berbilang jenis.

Pertama ialah untuk mewujudkan satu kawasan yang dipanggil kawasan hutan simpan kekal iaitu kawasan yang diambil daripada tiap-tiap negeri dengan persetujuan Majlis Perhutanan Negara dan kawasan ini dijadikan kawasan sentiasa ada hutan walaupun ada mempunyai economic viability dan walaupun terpaksa juga tanah-tanah Kerajaan diambil untuk mengisi kehendak kawasan simpanan kekal ini. Dan memanglah sebagaimana diperkatakan oleh Yang Berhormat

dari Kemaman tadi bahawa nampaknya ada pengurangan dalam keluasan kawasan hutan simpanan ini.

Memanglah selain daripada kawasan hutan yang ditetapkan iaitu kawasan dari segi ekonominya viable ada juga tanah-tanah Kerajaan yang saya katakan tadi dimasukkan dalam kawasan hutan simpan kekal tetapi oleh kerana keperluan-keperluan tertentu daripada pihak Kerajaan-kerajaan Negeri maka mereka telah mengambil sedikit daripada kawasan-kawasan yang telah mula-mula dipersetujukan untuk dijadikan sebahagian daripada kawasan hutan simpan kekal dan ini hak Kerajaan Negeri dan harapan kita ialah supaya perkara ini akan dapat diawasi. Kerajaan Negeri dengan kita sentiasa bekerjasama untuk menentukan kawasan hutan simpan kekal itu sentiasa kekal sebagaimana juga luasnya bifa kita menentukan pada mulanya dahulu.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kemaman juga telah menyentuh mengenai surveyor—penyukat-penyukat tanah daripada negeri-negeri yang ditugaskan untuk menentukan kawasan hutan simpan kekal. Saya ingin memberi tahu Ahli Yang Berhormat bahawa tidaklah menjadi niat saya untuk mengulas lebih panjang mengenai ini kerana soal tanah, malah soal hutan pun adalah di bawah Kerajaan-kerajaan Negeri. Jadi, sekiranya Ahli Yang Berhormat berminat lagi saya rasa sila berhubung dengan Ahli Dewan Undangan Negeri di negeri Terengganu untuk menyuarakan pendapat ini kepada Dewan Undangan Negeri Terengganu.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kemaman juga telah menyuarakan supaya daripada 155,800 hektar kawasan catuan tebanan tahunan yang sekarang ditetapkan ianya dikurangkan lagi supaya krisis kekurangan bekalan kayu-kayan

dalam tahun 1996 dikatakan oleh Yang Berhormat akan dapat kita hadapi dengan senang.

Suka saya jelaskan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa ini memanglah tujuan Kerajaan supaya penebangan kawasan hutan dicatu. Misal kata tahun 1983 kawasan hutan dibenarkan catuan ialah 155,800 hektar, ini seluruh Semenanjung Malaysia. Kemudian pihak Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat telah menetapkan supaya mulai tahun 1986 kawasan hutan yang ditebang adalah dalam lingkungan 149,251 hektar setahun hinggalah tahun 2000 akan datang. Kerajaan telah menetapkan demikian dengan kesedaran bahawa ini akan membolehkan kita mendapat bekalan kayu yang berterusan di negara kita dan di samping itu juga Kerajaan telah menyiapkan aktiviti-aktiviti yang dipanggil "silvicultural treatment", pemulihan kayu-kayan yang kecil-kecil dan sebagainya, kemudian kita juga berazam untuk mengadakan satu sistem menanam semula untuk kayu-kayan dan ini adalah selaras juga dengan apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas yang menyentuh mengenai kegunaannya, kita mengekalkan kayu yamani di Perak, di Kuala Kangsar, walaupun pada masa ini kita tiada menggunakan kayu ini. Tetapi oleh kerana sebagaimana saya katakan tadi kekurangan kayu-kayan di masa akan datang ialah satu perkara yang kita pandang dengan serius maka kita menanam kayu-kayan seperti ini adalah dengan tujuan supaya ianya dapat menampung keperluan kita di masa akan datang. Bukan sahaja untuk membuat anak mancis tetapi mungkin akan dapat diselidiki supaya dapat digunakan untuk membuat perabot rumah dan sebagainya. Inilah hasrat Kerajaan ke arah menentukan supaya perkara-perkara ini akan ditanam. Di samping ini kita juga sekarang berusaha untuk menanam pokok-pokok seperti akasia, pine dan

sebagainya untuk menambah keperluan kayu-kayan di dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kemaman juga telah menyentuh mengenai kompleks perkayuan yang dikatakan belum lagi menjalankan tugas untuk pemulihan hutan yang telah ditebang dan kadang-kadang tidak juga memegang teguh kepada perjanjian semasa lesen dikeluarkan. Sebenarnya untuk menentukan supaya mereka ini menjalankan tugas-tugas yang ditugaskan kepada mereka satu perkara yang dilakukan ialah memang dalam pengeluaran lesen oleh Kerajaan Negeri, syarat-syarat ditetapkan dan salah satu daripada syarat-syarat itu ialah supaya kompleks-kompleks ini menanam semula, menjaga ataupun mengadakan silvicultural treatment terhadap kayu-kayan dan di samping itu Kerajaan Negeri juga ada yang mengutip cess daripada kompleks itu dan dengan wang itu mereka menjalankan tanam semula ataupun silvicultural treatment activity ke atas kawasan-kawasan yang telah mereka balak. Walaupun begitu saya ambil perhatian atas apa yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kemaman itu.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat dari Kemaman juga telah menyentuh mengenai kawasan negeri Johor, yang lupa saya sebutkan tadi, yang kekurangan kawasan hutan simpanan kekal sebanyak 53% setakat ini. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri aktivitiinya lebih banyak daripada negeri-negeri lain terpaksa diambil kawasan hutan simpanan kekal yang mereka perlukan untuk dijadikan kawasan pertanian, ditanamkan dengan kelapa sawit dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda telah membangkitkan mengenai perlunya

pihak Kerajaan menambahkan jumlah bahan-bahan utama yang kita eksport ataupun keluaran daripada getah, kelapa sawit mungkin, kemudian yang lain-lain itu ditambah pula koko dan lain-lain. Ini adalah satu cadangan yang baik yang sentiasa diberi perhatian oleh Kerajaan. Walau bagaimanapun sebelum kita mengkaji untuk memasukkan bahan-bahan utama itu dijadikan satu bahan yang dikeluarkan oleh negara kita, kita perlu mengkaji dengan mendalam sama ada ianya versatile ataupun volatile, ertinya penggunaannya banyak prospeknya di masa depan baik atau tidak. Memanglah sebagaimana yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat kita di Malaysia sekarang menghasilkan lebih kurang 70,000 ton koko dan lebih 10% daripada ini adalah dipergunakan dalam negeri kita dan yang lain dieksport.

Pada masa ini nampaknya harga koko masih di paras yang boleh dikatakan memuaskan walaupun tidak sebaik harganya di masa tahun 1976, 1977 dan sebagainya tetapi harapan kita ialah oleh kerana kekurangan bekalan tahun ini lebih kurang dalam lingkungan 70,000 ton walaupun stok daripada tahun lepas dalam lingkungan 600,000 ton terpaksa ditambah, namun keluaran tahun ini menunjukkan bahawa ada kekurangan bekalan koko di pasaran dunia. Walaupun kalau kita tambah stok tahun depan, surplusnya masih ada.

Yang Berhormat juga bertanya apakah keistimewaan koko ini? Salah satu daripada keistimewaannya ialah ianya bahan untuk dimakan, sedap dan dapat dipergunakan bukan hanya untuk membuat coklat, tetapi untuk digunakan membuat bahan-bahan lain, susu mungkin, tepung, koko powder dan sebagainya. Kita berharap dengan wujudnya satu badan yang dipanggil Lembaga yang dikhaskan untuk menjalankan penyelidikan koko

ini kita dapat meningkatkan keperluan kita dan akan dapat meningkatkan mutu koko yang kita hasilkan.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda juga telah menyentuh mengenai hutan dan menyarankan supaya Kerajaan menentukan supaya kawasan hutan ini dijaga. Saya telah sebutkan tadi semasa mengulas apa yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kemaman bahawa memanglah tujuan pihak Kerajaan berusaha ke arah menentukan supaya hasil-mahsul permukaan bumi kita ini akan sentiasa dikekalkan dan akan sentiasa dipergunakan untuk membuat barang-barang yang berfaedah.

Ahli yang Berhormat dari Ulu Muda juga telah menyarankan supaya pihak Kerajaan menghentikan penebangan haram hutan dan mengurangkan pengluasan tanah oleh pihak Kerajaan-kerajaan Negeri dan memanglah ini hasrat kita tetapi dari pandangan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri ini lain pula; mungkin mereka perlu kawasan lebih luas daripada kawasan hutan simpan kekal untuk dijadikan kawasan pertanian dan dengan harapan dengan menanam pokok-pokok lain seperti getah dan kelapa sawit, mereka akan dapat apa yang dikatakan hasil-mahsul ataupun hasil yang lebih lumayan lagi daripada mengekalkan hutan.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda juga telah menyentuh mengenai recovery rate, dengan izin, hasil pulangan daripada pemerosesan hasil hutan kita. Beliau telah memperkatakan bahawa setakat ini 40% sahaja daripada hasil hutan kita itu dapat direcover, diambil balik, yang lain dibakar, dibiarkan berselerak dan sebagainya. Jadi ini memanglah satu perkara yang mendapat perhatian dari pihak Kerajaan. Perkara yang sentiasa menjadi satu pertimbangan yang berat oleh pihak Kerajaan khususnya pihak

Kementerian saya. Sebab itulah kita sentiasa menggalak, mengarahkan pihak Malaysian Timber Industry Board, dengan izin, ataupun Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia untuk mengawasi keadaan ini, untuk bertindak supaya hasil pulangan ini akan dapat dipertambahkan sebagaimana juga boleh dilakukan oleh negara-negara lain seperti Jepun dan juga negara-negara barat dan sebagainya. Kita juga menggalakkan supaya ada joint-venture daripada orang-orang kita di sini dan juga pelabur-pelabur luar negeri untuk menentukan supaya bahan-bahan yang dahulunya dibuang daripada hasil kayu-kayan ini akan dapat dipergunakan secara ekonomik, secara menguntungkan memandangkan juga hakikat bahawa kita ini kalau tidak menggunakan itu kita akan kekurangan kayu-kayan di masa akan datang.

Beliau juga telah menyentuh mengenai penyelidikan perhutanan. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kita memang mempunyai satu badan yang sekarang dipanggil, dengan izin, Forestry Research Institute ataupun Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia di Kepong yang ditugaskan khas untuk menjalankan penyelidikan mengenai kayu-kayan ini untuk menentukan supaya baka-baka baru boleh ditanam ataupun kayu-kayu yang berguna itu boleh dimasukkan dan juga penggunaan terhadap kayu-kayan ini akan dapat dipertambahkan. Jadi insya Allah, pihak Kementerian dan Kerajaan akan sentiasa mengawasi kemajuan yang dicapai oleh pihak Institut Penyelidikan Perhutanan di Kepong dan supaya mereka ini akan dapat menyumbangkan dengan lebih banyak lagi kepada pembangunan kemajuan sektor hutan di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas telah

juga menyentuh mengenai hutan dan perkara yang disentuhnya ialah supaya Kerajaan mengharamkan lebih banyak lagi species kayu-kayan yang sekarang diharamkan untuk dieksport. Memanglah sebagaimana kita sedia maklum sekarang Kerajaan mengharamkan 27 jenis species kayu-kayan untuk dieksport dan kalaulah sekiranya keadaan memerlukan, memang kita berusaha untuk menentukan supaya pengeksportan ke atas kayu balak ini akan dapat kita kurangkan demi menampung kehendak penggunaan dalam negeri bagi kayu-kayan di negara kita tetapi ini adalah untuk masa hadapan dan setakat ini dari tahun lepas kita sudah announce pengharaman 11 lagi.

Beliau juga telah menyentuh mengenai penggunaan kayu-kayan yang paling maksima yang telah saya sentuh juga semasa menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda dan satu perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas ialah mengenai keperluan pihak Kerajaan untuk menyebarkan kilang-kilang kayu-kayan bukan sahaja di bandar-bandar besar tetapi di luar-luar bandar untuk menentukan supaya pekerjaan akan sedia ada untuk rakyat yang susah yang memerlukan pekerjaan dan ini adalah cadangan yang baik dan setakat ini pun jikalau kita tengok kompleks-kompleks perKayuan di Terengganu dan Pahang, kebanyakan kompleks-kompleks ini adalah di kawasan Pantai Timur yang berdekatan dengan kawasan-kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun kita sentiasa meneliti perkara ini supaya dapat ditentukan yang kilang-kilang memproses kayu-kayan ini akan dapat disebarkan ke kawasan-kawasan luar bandar dengan tujuan supaya kita ataupun orang-orang kampung dapat menikmati kemudahan kerja dan sebagainya. Tetapi sebelum kita mengkaji itu, banyak perkara-perkara yang perlu kita kaji, kita lihat sebab

kita harus menentukan economic viability, factors of production, dengan izin. Kalau kita buat suatu kilang di kawasan yang tidak ada jalan raya, tidak ada bekalan elektrik dan sebagainya, ini akan menambahkan kos pengeluaran bagi kilang-kilang kita itu. Jadi dengan memikirkan faktor-faktor ini saya rasa kita menyedari hakikat bahawa tujuan Kerajaan ialah untuk menentukan kilang-kilang ini akan dapat dinikmati oleh lebih ramai orang.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas juga telah menyentuh mengenai galian. Saya telah pernah dan selalu menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa pada masa ini oleh kerana bekalan timah di pasaran antarabangsa adalah begitu banyak dan oleh kerana kita adalah salah satu daripada negara-negara yang menjadi ahli International Tin Council dan menandatangani International Tin Agreement, maka kita terpaksa patuh dengan apa yang telah dipersetujui dalam mesyuarat ITC. Setakat ini telah dikenakan beberapa peratus export control terhadap pengeluaran bijih timah negara kita dan juga negara-negara lain dan memanglah ini memberi kesan yang tidak begitu memuaskan terhadap pengeluaran-pengeluar bijih timah di negara kita. Memanglah ini mendorong ataupun mengakibatkan banyak lombong-lombong terpaksa ditutup dan banyak pekerja-pekerja yang dahulunya bekerja di lombong terpaksa berhenti kerja dan ramai lagi yang terpaksa membiarkan plants ataupun jentera-jentera untuk mengambil bijih timah ini dibiarkan begitu sahaja tanpa membuat pekerjaan.

Kerajaan memang sedar hakikat ini dan sebagaimana kita sedia maklum bijih timah adalah hasil-mahsul dari perut bumi yang kalau diambil susah hendak mencari ganti. Jikalau kita jual ini dengan harga yang tidak

munasabah maka ini boleh dikatakan seolah-olah mengambil sesuatu itu dan mencampakkannya ke dalam laut. Sebab itulah kita harus menentukan dalam menjual, mengeksport bahan-bahan yang telah disebutkan tadi, kita harus menyedari betapa keadaan bahan ini macam ini dan oleh itu betapa perlunya kita mendapatkan margin yang memuaskan. Kerana kalau kita jual dengan kos bermakna ini akan membawa kerugian terhadap kita walaupun kita mendapat margin sedikit tetapi ianya bukanlah bahan yang boleh diganti dengan bahan yang lain.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyarankan supaya kita ini membuat penyelidikan yang pesat mengenai bijih timah. Memanglah kita ini ialah anggota dan juga penyumbang kewangan kepada South-East Asia Tins Research Development (SEATRED). Kemudian kita juga menjadi ahli dan penyumbang kepada International Tins Research Institute (ITRI) di London. Dan dengan penubuhan Pertubuhan Persatuan Pengeluar-pengeluar Bijih Timah yang baru sahaja diwujudkan kita memfokuskan, memberi emphasis terhadap penyelidikan dan juga pemasaran. Dan memanglah ini hasrat kita sebab itulah kita menjadi ahli banyak pertubuhan-pertubuhan ini supaya keadaan bijih timah kita akan sentiasa terjaga.

Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas juga menyarankan supaya kos pengeluaran bagi bijih timah ini usaha untuk mempertingkatkan. Memanglah kuasa pengeluaran ini mempunyai diary terhadap persaingan bahan itu di pasaran dunia. Misal kata Ahli Yang Berhormat sudah beritahu Dewan ini tadi bijih timah sekarang menghadapi banyak persaingan dan salah satu daripada cara untuk menentukan competitiveness bahan ini akan sentiasa terjaga adalah perlu untuk kita membuat kajian sama ada kos

pengeluarannya akan dapat diturunkan ke paras yang munasabah. Kita berharap ini akan dapat dipertingkatkan oleh pihak Kementerian saya dan pihak Kerajaan.

Tuan Pengerusi, mengenai penglibatan bumiputera dalam bidang perlombongan bijih timah dan sebagainya, memanglah kita menggalakkan akan tetapi oleh kerana sekarang kita berada di zaman bila mana industri bijih timah itu dalam keadaan yang begitu kelam sedikit kita sentiasa berusaha. Namun di masa hadapan harapan kita sekiranya bijih timah akan mempunyai masa depan yang cerah kita akan lebih menggiatkan perlibatan bumiputera dalam industri ini.

Tuan Pengerusi, tidak ada apa-apa yang hendak saya tambah dengan apa yang saya telah perkatakan tadi. Cukuplah setakat ini dan sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi bekerjasama menyarankan pendapat atas aktiviti-aktiviti di bawah jajaan Kementerian saya.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, soalnya ialah bahawa wang sejumlah \$184,937,400 untuk Maksud B. 20 di bawah Kementerian Perusahaan Utama jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$184,937,400 untuk Maksud B. 20 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Begitu juga soalnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$12,800,060 yang disebutkan dalam Maksud P. 20 dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1984 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$12,800,060 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1984.

Maksud B. 21 (Jadual)—

Maksud P. 21 (Anggaran Pembangunan, 1984)

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B. 21 dan Kepala Pembangunan P. 21 di bawah Kementerian Pertanian sekarang terbuka untuk dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

5.47 ptg.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, saya memohon izin untuk menyentuh 2 perkara, iaitu perkara yang pertama, Kepala B. 21 Butiran 1100, Program (3) Sumber-sumber Alam: (a) Perikanan, muka surat 185 dan perkara yang kedua Kepala P. 21, Butiran 5—Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, muka surat 193.

(Tuan Yang Dipertua mem-pengerusikan Jawatankuasa)

Tuan Pengerusi, saya harap Tuan Pengerusi tidak berasa terkejut, kerana saya bangkit untuk menyentuh tentang kehidupan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh nelayan serta masalah yang berhubung dengan nelayan-nelayan dan masalah perikanan. Ini adalah disebabkan sungguhpun kawasan saya dinamakan Ulu Nerus, tetapi sebenarnya pada pandangan saya nama itu tidak berapa tepat, kerana kawasan saya terdiri daripada 30 batu kawasan pantai

Tuan Pengerusi: Di bawah Kepala mana Ahli Yang Berhormat bercakap tentang perkara itu?

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Kepala B. 21, Butiran 1100, Program (3) (a).

Tuan Pengerusi: Itu tidak tersebut berkenaan dengan Ulu Nerus di bawah Kepala itu.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Saya hendak menerangkan bahawa saya mewakili nelayan-nelayan, Tuan Pengerusi. Kalau boleh, saya minta diberi masa lama sedikit.

Tuan Pengerusi, sebagaimana saya katakan tadi bahawa saya mempunyai ramai pengundi-pengundi dan juga rakyat daripada golongan nelayan bukan sahaja di kawasan pantai tetapi juga di pulau-pulau. Pulau Bidong di mana pada masa ini ditempatkan pelarian-pelarian daripada Vietnam. Tempat ini sebenarnya terletak di dalam kawasan saya dan ini merupakan satu masalah kepada saya.

Tuan Pengerusi, saya suka membangkitkan beberapa perkara yang dihadapi oleh nelayan-nelayan di negara ini untuk perhatian Kerajaan khususnya Kementerian Pertanian. Saya sedar bahawa berbagai usaha untuk meningkatkan taraf hidup dan mengatasi masalah sosio-ekonomi nelayan-nelayan di negara ini yang dijalankan oleh Kementerian Pertanian khususnya melalui Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia telah mendatangkan banyak hasil dan kesan-kesan yang baik dan kadar kemiskinan di kalangan nelayan-nelayan telah pun dapat diturunkan daripada 75% dalam tahun 1970 kepada 49% dalam tahun 1980. Saya percaya dan yakin bahawa Kementerian Pertanian dan agensi-agensinya seperti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Bank Pertanian dan lain-lain akan meningkatkan lagi usaha-usaha mereka ke arah ini di masa-masa yang akan datang. Walau bagaimanapun, masalah-masalah yang dihadapi oleh nelayan-nelayan adalah terlalu luas dan terlalu rumit dan memerlukan perhatian yang berterusan dan sympathetic bukan

sahaja daripada Kementerian Pertanian dan agensi-agensinya sahaja tetapi juga berbagai-bagai Kementerian-kementerian yang lain bukan sahaja daripada Kerajaan Pusat tetapi juga Kerajaan-kerajaan Negeri sendiri.

Tuan Pengerusi, nelayan-nelayan bukan sahaja merupakan golongan yang paling miskin di negara ini tetapi juga golongan yang kurang bernasib baik dan banyak terdedah kepada pelbagai rupa masalah dan ancaman. Mereka bukan sahaja telah mewarisi kemiskinan nenek-moyang mereka tetapi mereka sendiri akan terus mewarisi kemiskinan mereka kepada anak cucu-cicit mereka.

Tuan Pengerusi, Kerajaan patutlah memandang berat terhadap masalah kekurangan dan kejatuhan hasil tangkapan dan kerana itu pendapatan nelayan-nelayan, terutamanya nelayan-nelayan kecil dan nelayan-nelayan yang menggunakan alat-alat tangkapan tradisional.

Kita tahu bahawa ikan adalah satu hasil yang boleh merosot (depleting resource), tetapi keadaan ini telah diburukkan lagi oleh penggunaan setengah-setengah alat menangkap ikan yang tidak dapat dikawal dengan terencana dan berkesannya oleh Kerajaan, seperti pukot tunda dan juga penggunaan setengah-setengah jenis alat-alat tangkapan di kawasan-kawasan perairan tertentu. Pukot-pukot tunda tidak syak lagi telah bertanggungjawab memusnahkan benih-benih dan anak-anak ikan di seluruh persisiran perairan di negara ini dan juga penyu-penyu yang berupa satu khazanah laut dan punca rezeki dan pendapatan ramai penduduk-penduduk persisiran pantai, terutamanya di Pantai Timur.

Pada masa ini, Tuan Pengerusi, kesan buruk daripada pukot tunda ini bukan sahaja terhadap nelayan-nelayan lain, tetapi juga kepada

mereka sendiri di mana oleh kerana ikan-ikan dan lain-lain tangkapan berharga telah pun berkurangan, mereka hanya lebih banyak menangkap ikan-ikan yang tidak berharga (trash fish).

Memandangkan masalah-masalah dan kesan-kesan buruk ini Kementerian Pertanian patutlah mengkaji semula penggunaan pukat-pukat tunda di negara ini. Saya sedar bahawa Kementerian berkenaan telah pun mengadakan pelbagai langkah-langkah kawalan dan sekatan terhadap pukat-pukat tunda ini, tetapi saya berpendapat sekatan-sekatan yang lebih berkesan patutlah diadakan.

Berhubung dengan ini, Tuan Pengerusi, sukalah saya menarik perhatian Kementerian Pertanian terhadap pandangan setengah-setengah golongan nelayan yang mencadangkan supaya penggunaan pukat-pukat tunda diharamkan sama sekali di persisiran pantai supaya dapat memulihkan semula sumber-sumber ikan di kawasan-kawasan persisiran pantai dan demi untuk menjaga masa depan mereka. Kajian semula ke atas penggunaan pukat tunda ini sungguhpun mungkin menimbulkan masalah-masalah tertentu adalah penting oleh kerana pukat tunda asalnya diperkenalkan di negara ini untuk menangkap udang dan pada masa ini udang-udang telah pun merosot di negara ini. Jika langkah "conservation" ini tidak diambil secara drastic, saya bimbang masalah ini akan bertambah buruk pada masa yang akan datang dan kita akan kerugian secara berpanjangan dan lebih besar lagi.

Tuan Pengerusi, hasil-hasil tangkapan nelayan juga telah terjejas kerana pencerobohan yang berleluasa di kawasan perairan kita, khususnya di Pantai Timur Semenanjung oleh nelayan-nelayan pukat tunda daripada negara asing, khususnya daripada Thailand. Nelayan-nelayan asing ini

bukan sahaja mendapat hasil tangkapan daripada negara ini, tetapi juga mereka merosakkan bubu-bubu dan unjang-unjang nelayan-nelayan tempatan kerana setengah-setengahnya menggunakan alat-alat yang boleh merosak dan menjejaskan alat-alat ini. Setengah-setengah daripada mereka juga dilengkapkan dengan alat-alat senjata dan ini boleh merupakan ancaman kepada nelayan-nelayan kita sendiri.

Pada musim tengkujuh, Tuan Pengerusi, beratus-ratus buah bot mereka masuk ke perairan kita dan setengah-setengahnya mendarat di pulau-pulau kita. Penduduk-penduduk Pulau Redang dalam kawasan pilihanraya saya mengadu kepada saya tentang pencerobohan berpuluh-puluh bot nelayan Thailand ke persisiran dan mendarat ke pulau tersebut dalam musim tengkujuh setiap tahun. Di samping itu, mereka juga mengadu tentang pencerobohan bot-bot asing yang menjalankan kegiatan mengebom ikan-ikan yang telah memusnahkan bukan sahaja ikan-ikan, tetapi juga batu-batu karang dalam kawasan yang dicadangkan untuk taman kehidupan laut di sekitar perairan Pulau Redang dan Pulau Perhentian.

Dengan hal demikian itu, saya berharap Kementerian Pertanian dan Kerajaan hendaklah meningkat dan memperkesakan lagi langkah-langkah kawalan perairan kita daripada ancaman dan pencerobohan nelayan-nelayan asing ini. Untuk memenuhi tanggungjawab ini, saya berharap Kerajaan hendaklah menyegerakan pembinaan Pengkalan Polis Laut di Pulau Redang yang telah terlalu lama tergendala itu.

Tuan Pengerusi, nelayan-nelayan juga selalu merungut tentang langkah-langkah kawalan yang dianggap ketat terhadap mereka, tetapi gagal terhadap pencerobohan nelayan-nelayan asing. Rungutan-rungutan

begini menggambarkan kekeciwaan mereka. Mereka juga merungut tentang denda-denda yang dianggapnya terlalu tinggi yang dikenakan ke atas kesalahan-kesalahan mereka kerana mereka sebenarnya tidak mampu membayar denda-denda yang tinggi ini. Saya bersetuju bahawa kesalahan-kesalahan perlulah dibendung, tetapi saya berpendapat nelayan-nelayan melakukan kesalahan-kesalahan, seperti memasuki perairan negeri-negeri lain dan berpindah pengkalan tanpa izin kerana mereka terpaksa berbuat demikian untuk menyara hidup.

Pintu rezeki nelayan-nelayan pada masa ini, Tuan Pengerusi, sebenarnya adalah sangat sempit. Saya menyeru Kerajaan supaya melonggarkan peraturan-peraturan berhubung dengan pemindahan pengkalan bagi nelayan-nelayan dan menurunkan kadar denda terhadap kesalahan-kesalahan mereka.

Mereka juga mengadu, Tuan Pengerusi, tentang kesulitan syarat-syarat yang agak ketat dan kelambatan untuk mendapatkan lesen-lesen pukut dan ini menyebabkan mereka menggunakan alat-alat tanpa lesen yang menjadi satu kesalahan dan boleh didenda. Mereka seterusnya mengadu tentang syarat-syarat yang dikenakan di mana sebuah bot hanya boleh diberikan satu atau dua lesen alat tangkapan sahaja. Ini bererti jika mereka hendak menggunakan alatan-alatan tertentu yang lain, mereka kenalah mencari sebuah lagi bot yang berharga tidak kurang dari \$25,000. Mengikut mereka, ini adalah mustahil kerana mereka tidak mampu berbuat demikian.

Saya sedar bahawa syarat-syarat ini adalah dikenakan bagi alat-alat tertentu sahaja, seperti pukut tunda dan lain-lain pukut commercial, tetapi pengkelasan ini adalah kurang tepat kerana keadaan-keadaan sebenarnya

seperti kekurangan tangkapan, tangkapan-tangkapan bermusim dan lain-lain hanya lebih diketahui oleh nelayan-nelayan sendiri. Saya berharap pihak Kementerian Pertanian dapat mengkaji semula perkara ini dan jika didapati syarat-syarat ini benar-benar mendatangkan masalah, memberikan pertimbangan kelonggaran terhadap nelayan-nelayan yang terjejas.

Tuan Pengerusi, nelayan-nelayan bukan sahaja mendapat harga yang rendah bagi tangkapan-tangkapan mereka berbanding dengan hasil yang diperolehi daripada perniagaan pemasaran ikan, tetapi juga mereka menghadapi harga-harga yang tidak stabil, yang terlalu rendah pada masa-masa tertentu, Yang lebih mendukacitakan lagi, seringkali juga tangkapan mereka hilang langsung pasarannya.

Pada tahun ini telah berlaku satu keadaan di mana harga ikan-ikan kering gred rendah telah jatuh dengan drastiknya di Negeri Terengganu sungguhpun di peringkat Negara, mengikut Kementerian Pertanian harga jatuh sebanyak 5% sahaja. Kejatuhan hampir 30% hingga 40% harga ikan kering di Kuala Terengganu, sebagaimana mengikut pengusaha-pengusaha ikan kering sendiri, telah menyebabkan pengusaha-pengusaha ikan kering mengalami kerugian dan mereka tidak dapat membeli hasil-hasil tangkapan nelayan dan sebaliknya menjejaskan pula ramai nelayan-nelayan. Pengusaha-pengusaha ikan kering mengadu ikan mereka tidak mendapat pasaran tempatan kerana pemborong-pemborong ikan kering telah menghentikan pembelian kerana stok mereka terlalu banyak dan mereka sendiri pun mengalami masalah pasaran. Masalah-masalah begini sangat besar kesannya kepada nelayan-nelayan dan juga pengusaha-pengusaha kecil dan patutlah

diberikan perhatian berat oleh agensi-agensi Kerajaan, seperti LKIM dan FAMA.

Malangnya, Tuan Pengerusi, LKIM dan FAMA kurang memainkan peranan dalam hal ini dan oleh itu saya suka mencadangkan supaya mana-mana satu agensi ini memperluaskan peranan mereka di dalam pemasaran ikan-ikan kering juga. Bagi menggalakkan eksport dan memperluaskan lagi pasaran ikan kering kita di luar negeri, saya mencadangkan agar duti eksport ke atas ikan-ikan kering dikaji semula dan diturunkan.

Tuan Pengerusi, kemasukan ikan secara tidak terkawal daripada negara Thailand ke negara ini juga memberi kesan buruk dan kejatuhan harga hasil-hasil tangkapan nelayan tempatan. Dalam tahun ini harga ikan kembung dan lain-lain ikan gred rendah tempatan telah jatuh kerana berlakunya kemasukan ikan-ikan gred sama daripada Thailand. Dalam sidang Parlimen yang lalu pihak Kementerian Pertanian telah menerangkan bahawa kemasukan ikan-ikan daripada Thailand ini adalah secara penyeludupan tetapi, Tuan Pengerusi, saya mendapat maklum bahawa selain daripada penyeludupan ikan-ikan ini juga telah banyak dibawa melalui pintu-pintu masuk ke negara ini. Saya berharaplah supaya Kerajaan mengambil langkah-langkah sesuai untuk menjaga kepentingan rakyat kita dalam hal ini. Sekalipun ikan daripada luar negeri mungkin lebih murah harganya daripada ikan tempatan ia tidak akan menguntungkan negara kerana masalah dan kebajikan rakyat kita terutamanya golongan-golongan miskin adalah terlalu tinggi nilai harganya kepada kita.

Tuan Pengerusi, menyentuh pelbagai usaha-usaha untuk meningkatkan sosio-ekonomi nelayan-nelayan melalui berbagai-bagai

program Kementerian Pertanian dan LKIM serta lain-lain agensinya, saya berharap perhatian khusus hendaklah diberikan kepada kemungkinan kegiatan-kegiatan agensi-agensi ini yang boleh menimbulkan kesan-kesan yang bercanggah, bertanding dan menyekat kegiatan-kegiatan nelayan-nelayan sendiri serta boleh menimbulkan kesan-kesan sampingan yang tidak baik kepada mereka. Ini adalah disebabkan saya bimbang bahawa pelbagai usaha-usaha Kerajaan yang memakan begitu banyak belanja dan telah mendatangkan hasil-hasil positif yang baik di dalam bidang-bidang dan aspek-aspek tertentu akan terjejas oleh aspek-aspek negatif ini sehinggakan nelayan dan rakyat bukan cenderung untuk merukur prestasi agensi-agensi ini daripada kacamata kejayaan dan sumbangannya, tetapi daripada kacamata kelemahan-kelemahannya. Amalan-amalan seperti pemilikan bot-bot dan usaha-usaha menangkap ikan oleh LKIM sendiri pada suatu masa dahulu ternyata merupakan satu strategi yang kurang tepat dan akhirnya merugikan LKIM sendiri.

Bantuan-bantuan subsidi bot yang terlalu banyak telah menyebabkan tuan-tuan punya bot menghadapi kesukaran mendapatkan pekerja-pekerja (crews) kerana lebih ramai orang menjadi tuan milik dan semakin kurang orang yang menjadi pekerja. Keadaan ini akhirnya menjejaskan pekerjaan dan mata pencarian pemilik-pemilik bot sendiri dan ramai di antaranya menghadapi masalah membayar balik pinjaman kulit bot kepada Bank Pertanian. Memandangkan hal ini, saya suka mencadangkan supaya di masa-masa yang akan datang LKIM sebagai agensi utama Kementerian Pertanian patutlah menumpukan dan mengemaskan kegiatan-kegiatannya kepada beberapa bidang fungsi tertentu sahaja yang sepatutnya boleh

memberikan kesan yang maksima kepada nelayan-nelayan. Bidang-bidang utama yang memerlukan penekanan yang lebih ini pada pandangan saya hendaklah bertumpu kepada usaha-usaha seperti berikut:

Yang pertamanya, Tuan Pengerusi, untuk memperluas, mempertingkatkan dan memperkemaskan lagi pemasaran secara besar-besaran bukan sahaja bagi menjamin harga-harga ikan yang lebih tinggi dan lebih stabil, tetapi juga pasaran-pasaran yang tetap termasuk bagi ikan basah dan ikan kering bagi pasaran dalam negeri dan juga pasaran eksport.

Yang keduanya, Tuan Pengerusi, untuk menggalak dan membantu memperkembang dan mempertingkatkan lagi perusahaan-perusahaan dan pemerosesan ikan-ikan di kalangan nelayan-nelayan bukan sahaja untuk meningkatkan pasaran tangkapan-tangkapan setempat terutamanya, tetapi juga untuk menggalakkan nelayan-nelayan menceburi kegiatan-kegiatan perusahaan yang lebih lucrative dan mendatangkan pendapatan sampingan dan tidak semata-mata bertumpu kepada kerja menangkap ikan.

Yang ketiga dan akhirnya, Tuan Pengerusi, untuk meningkatkan penyediaan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan keperluan-keperluan asas seperti kilang air batu, bilik sejuk, kemudahan-kemudahan pendaratan, alat-alat kelengkapan dan lain-lain seumpamanya.

Berhubung dengan dasar penswastan projek-projek LKIM seperti kilang-kilang air batu dan lain-lain kemudahan di kompleks-kompleks perikanan, saya berharap pegangan saham majoriti patutlah diberikan kepada persatuan-persatuan atau koperasi-koperasi nelayan dan bukan kepada orang-orang perseorangan. Ini adalah supaya

LKIM akan terus dapat menyokong persatuan-persatuan dan koperasi-koperasi nelayan memandangkan bahawa badan-badan ini terutamanya persatuan-persatuan nelayan adalah badan utama mewakili nelayan-nelayan. Persatuan nelayan misalnya pada masa ini mempunyai lebih 60,000 orang ahli-ahli.

Tuan Pengerusi, demikianlah beberapa perkara yang suka saya bangkitkan berhubung dengan usaha-usaha Kerajaan hendak meningkatkan taraf hidup sosio-ekonomi dan menyelesaikan masalah-masalah nelayan di negara ini. Setengah-setengahnya berhubung dengan masalah-masalah yang dibangkitkan oleh nelayan-nelayan dalam kawasan pilihanraya saya sendiri. Saya sedar bahawa masalah ini adalah masalah yang rumit dan persoalan pokoknya masih lagi berupa masalah terlalu ramai rakyat kita yang menggantungkan kehidupan mereka kepada pekerjaan menangkap ikan dan kita sepatutnya berusaha untuk mengurangkan bilangan mereka itu dan menarik perhatian mereka kepada peluang-peluang pekerjaan di darat. Usaha-usaha kita yang kurang berjaya dalam hal ini bukan sahaja mengecewakan nelayan-nelayan tetapi juga Kerajaan sendiri disebabkan sikap dan nilai hidup nelayan sendiri tidak banyak berubah dan sukar dapat diubah. Walau bagaimanapun, Tuan Pengerusi, harapan kita untuk memperbaiki kehidupan ini pada pandangan saya tetap ada kerana nelayan-nelayan juga sebenarnya mempunyai banyak virtues, dengan izin, yang boleh mendatangkan hasil-hasil positif dan sepatutnya memberansangkan pegawai-pegawai yang bertanggungjawab untuk membela nasib mereka.

Pada pandangan saya, dan saya memang tahu kalau benar-benar mereka adalah golongan rakyat yang terkenal sangat kuat dan tekun

bekerja. Mereka sanggup bangun pagi sebelum terbit matahari dan sebelum unggas-unggas bangun mencari rezeki. Mereka cekal menghadapi cabaran hidup sekalipun kulit mereka hangus dipanggang oleh matahari dan sejuk digigit oleh hujan, mereka adalah orang-orang yang berani menghadapi hidup, mereka tidak gentar menghadapi ribut dan ombak, maut pun tidak bererti apa-apa kepada mereka, sekalipun bot mereka diguling ombak dan karam, mereka akan berenang ke darat, esok mereka akan mengharungi pula. Bila maut sebenarnya datang menjemput mereka, tidak ada air mata dan orang yang akan menangis merenjis trajis kerana anak-anak mereka akan menyambung lagi.

Sekian, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong. Terima kasih.

6.09 ptg.

Tuan Hassan bin Haji Mohamad (Rantau Panjang): Tuan Pengerusi, saya ingin turut membahaskan perbekalan Kementerian Pertanian, B. 21, muka surat 191, Butiran 4100, Program (2), (5), (6), (8) dan (12).

Tuan Pengerusi, Kementerian Pertanian berusaha dan menumpukan kerjanya, di antara lain, ialah dalam bidang pertanian. Dan salah satu daripada bidang pertanian yang besar di negara kita ini ialah padi dan sebagai saya wakil daripada kawasan Rantau Panjang dalam Negeri Kelantan yang salah sebuah negeri di Malaysia ini yang banyak sawah-sawah padi yang mengeluarkan hasil padi selain daripada Kedah dan Perak.

Walaupun mengikut kenyataan daripada laporan pihak Kementerian Pertanian bahawa hasil padi kita masih lagi tidak mencukupi dengan keperluan yang ada dalam negara kita, ertinya kita perlu kepada beras-beras yang dibawa masuk daripada luar negeri. Sama ada daripada Thailand

ataupun daripada Burma dan ada juga daripada negeri China. Masalahnya, Tuan Pengerusi, usaha Kerajaan untuk memperbanyakkan hasil padi maka Kerajaan telah melancarkan beberapa rancangan dengan mengadakan perairan-perairan seperti di Kedah, MADA, seperti di Kelantan, KEMUBU dan seperti di Perak, kalau tidak salah saya rancangan Temenggor. Tetapi yang saya ingin sentuh di sini, Tuan Pengerusi, ialah masalah rancangan perairan KADA di Kelantan. Yang anihnya di Kelantan petani-petani yang berhampiran dengan rancangan itu tidak dapat menikmati kemudahan rancangan air itu, rancangan taliair untuk menanam dua kali setahun sebagaimana juga rancangan perairan Lemal, kawasan Lemal, petani-petani di sekitar Lemal tidak dapat menikmati rancangan perairan Lemal, yang dapat hanya di sebelah selatan daripada rancangan itu yang dapat menikmatinya.

Dan akibat daripada rancangan perairan ini juga, beberapa ribu ekar sawah padi yang dahulu boleh dihasilkan oleh petani-petani tetapi akibat daripada rancangan perairan itu kawasan sawah padi itu tidak boleh dihasilkan lagi sebab banyak airnya tergenang di dalamnya hingga sampai bukan sahaja mesin, malah kerbau hendak masuk hendak "menenggalakan" tanah itu tidak dapat, dan tidak ada usaha bagaimana cara hendak mengeringkan kawasan itu daripada ditenggelami air akibat daripada rancangan KADA yang saya sebutkan tadi. Dan berapa banyak pula yang tanah-tanah padi dalam kawasan perairan KADA yang tidak dapat hendak menanam padi dua kali setahun sebabnya hanya kawasan-kawasan yang dekat dengan taliair sahaja yang dapat, sedangkan tanah padi yang agak jauh sedikit tidak dapat menikmati taliair KADA ini, sebab tidak ada kata orang "parit-parit gila", tidak banyak saluran parit-parit

kecil daripada parit yang besar ini disalurkan ke sawah padi. Tidak ada diusahakan dengan secara bersungguh-sungguh. Kalau ada usaha pun hanya diusahakan oleh petani-petani sahaja.

Saya minta pihak Kementerian membuat saluran parit sebagaimana apa yang terdapat di Terengganu, dibuatkan saluran parit itu daripada simen menuju ke kawasan sawah padi yang agak jauh sedikit daripada parit yang besar, dengan cara seperti ini beribu-ribu ekar sawah padi yang terbengkalai insya Allah akan dapat diusahakan oleh petani-petani. Sekiranya pihak Kementerian Pertanian menumpukan usaha dalam membersihkan atau pun dalam membuat tali-tali parit kecil menuju ke sawah padi agak jauh daripada rancangan KADA tadi, maka hasil padi akan bertambah lagi.

Selain daripada masalah padi, saya ingin sentuh juga satu masalah yang anih yang berlaku di Kelantan. Kalau Yang Berhormat-Yang Berhormat dalam Dewan ini hendak pergi ke Kelantan dan hendak membeli beras daripada hasil tanaman padi ataupun daripada hasil sawah padi orang-orang Kelantan sendiri maka Ahli-ahli Yang Berhormat tidak akan jumpa di pasar-pasar beras hasil daripada bumi negeri Kelantan sendiri, sukar hendak dapat Tuan Pengerusi. Sebab kebanyakan beras-beras yang ditanam yang dihasilkan dalam negeri Kelantan dibawa keluar oleh LPN daripada negeri Kelantan sama ada dijual di Terengganu ataupun di Pahang. Jadi untuk orang-orang Kelantan sendiri terpaksa memakan atau memakan hasil beras harian mereka daripada sebelah Siam.

Jadi ini masalahnya dan yang menimbulkan masalah sedikit lagi yang saya rasa ada persentuhannya dengan masalah pertanian ini tentang perbezaan harga, kalau segantang beras kita beli daripada kedai yang

jauhnya 12 batu atau daripada kedai yang hanya satu batu sahaja daripada Kota Bharu, kalau dibeli di Wakaf Bharu yang letaknya tidak sampai pun dua kilometer daripada Kota Bharu perbezaannya seringgit lebih murah daripada beras kita beli daripada Kota Bharu. Begitu juga kalau kita beli beras di Pasir Mas yang letaknya lebih kurang 10 batu daripada bandar Kota Bharu harganya sebegitu juga, harganya lebih murah \$1.00 tiap-tiap satu gantang daripada yang ada di Kota Bharu. Akibat daripada ini banyak orang-orang kita pergi membeli beras di Pasir Mas ataupun di Wakaf Bharu. Tetapi malangnya, Tuan Pengerusi, bila sampai pada Jambatan Yahya Putra, maka beras-beras yang diberi itu dirampas oleh pihak-pihak yang mengawal Jambatan Yahya Putra. Saya tidak tahu bahawa ini dianggap sebagai beras penyeludupankah ataupun beras daripada mana, saya tidak tahu tetapi untuk mengatasi masalah ini saya haraplah pihak yang berkuasa menerusi Kementerian Pertanian umpamanya mempermudah kepada pengusaha-pengusaha dan penjual-penjual beras di negeri Kelantan dalam mengimport beras daripada Thailand.

Dengan cara yang seperti itu, kita banyak memberi pertolongan kepada rakyat negeri Kelantan mendapat beras yang murah dan senang didapati.

Dan dari tugas Kementerian Pertanian juga ialah dari segi menghasilkan buah-buahan. Saya sudah lama mengikuti Kementerian Pertanian. Hasil daripada usaha pihak Kementerian Pertanian dalam menghasilkan buah-buahan dalam negara kita. Kita dengar saban tahun dari radio, dalam televisyen, dalam suratkhbar usaha Kementerian Pertanian memberi benih-benih buah-buahan mempelamnya, gajusnya, dan macam-macam buah lagi kepada

petani-petani, kepada orang-orang kampung, tetapi hasilnya kita tidak nampak sejauh mana kejayaannya.

Kita dapati hasilnya ialah kalau hendak makan buah anggur, anggur daripada Thailand, hingga sampai Kuala Lumpur. Kalau kita hendak makan buah mata kucing, kita akan dapati juga daripada Thailand. Buah mempelam daripada Thailand. Walhasilnya macam-macam buah semuanya daripada Thailand. Jadi.....

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya minta penjelasan. Saya tertarik hati dengan kenyataan Yang Berhormat bahawa orang-orang Kelantan suka makan buah daripada Thailand. Saya cuma hendak bertanya sama ada benar atau tidak kalau dibandingkan dengan buah-buah yang dikeluarkan di Kelantan, buah daripada Siam ini lebih manis. Betulkah atau tidak? *(Ketawa)*

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Dari segi buahnya barangkali memanglah buah daripada Thailand itu manis, tetapi jika dihasilkan daripada Negeri Kelantan, saya rasa tidak kurang manisnya juga sebagaimana orang-orangnya. *(Ketawa)*

Jadi ini yang menjadi masalah kita, kita bertanya sejauh manakah kejayaan yang dicapai oleh pihak Kementerian Pertanian kita dari segi menghasilkan perusahaan buah-buahan. Kita terasa amat malu kepada apa juga kejayaan yang dicapai oleh pihak Thailand sehingga terpaksa kita mengimport dari sana dan pada masa akhir-akhir ini buah durian pun terpaksa diimport daripada Thailand juga. Kalau kita mencari betul-betul di manakah sebenarnya dalam negara kita di Malaysia ini adanya kebun durian yang agak besar, kebun mempelam yang agak besar, sama ada diusahakan dengan bantuan daripada pihak Kementerian ataupun pihak

swasta. Saya suka memberikan penghargaan dalam Dewan yang mulia ini, sudah ada dalam TV pun menyiarkan dan kita pun telah menikmati iaitu buah-buahan seperti jambu batu daripada tanaman yang kita sudah hasilkan, yang besar buahnya sehingga besar kepala lutut sekarang ini yang khabarnya benih-benihnya dibawa daripada Taiwan. Jadi atas usaha yang dibuat itu kita menghargai dan kita mengharapkan pada masa hadapan buah mempelam, buah mata kucing dan macam-macam buah-buahan seperti buah anggur ataupun apa sahaja yang boleh ditanam di negara ini, usahakanlah dan diharap pihak Kementerian menumpukan sepenuh perhatian dalam bidang ini.

Selain daripada itu, saya teringat pula, Tuan Pengerusi, satu masa dahulu saya dengar, ini kembali sedikit tentang hal padi. Satu masa dahulu saya pernah mendengar bekas Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra Al-haj pernah mengisytiharkan sama ada dalam Dewan yang mulia ini ataupun di luar iaitu rancangannya hendak menjadikan negeri Sarawak salah satu daripada jelapang padi yang besar yang beratus-ratus ribu ekar tanahnya yang sesuai dengan tanaman padi. Tetapi sayangnya sehingga sekarang ini, kalau Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mempunyai kesempatan pergi ke Sarawak, terutama sekali dalam masa-masa kempen pilihanraya yang akan diadakan di sana, kita akan dapati anak-anak sungai yang banyak tetapi sukar sekali hendak mencari di mana sawah padi yang dirancangan itu. Jadi hilang begitu sahaja projek yang begitu besar yang mungkin dapat diusahakan untuk menjadikan Sarawak sebagai salah satu daripada negeri yang boleh menghasilkan perusahaan padi yang besar. Saya harap pihak Kementerian berkenaan akan mengambil perhatian berat

dalam perancangan yang saya rasa dapat memberikan kecukupan keperluan hasil padi dalam negara kita.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh pula dalam masalah MARDI iaitu Institut Penyelidikan Pertanian dalam negara kita yang saya boleh berikan pujian terutamanya yang berpusat di Kelantan kerana khabarnya telah melaksanakan penyelidikan dan mengadakan satu daya usaha pertama untuk menghasilkan sayur-sayuran dalam negeri Kelantan khususnya kalau kita pergi ke pasar kita dapat membeli cili sebiji harganya 10 sen dan sayur-sayuran yang lain kita tidak dapat membeli dengan harga 10 sen lagi sekarang, terpaksa kita membeli sekurang-kurangnya 50 sen atau \$1.00. Jadi hasil daripada penyiasatan MARDI ini sudah ada petani-petani kita yang mendapat hasil yang memuaskan kerana diprogramkan oleh pihak MARDI dalam tanaman umpamanya dalam musim tengkujuh—di musim tengkujuh susah hendak mendapat sayur-sayuran tetapi oleh sebab telah diprogramkan oleh pihak MARDI, maka ada sayuran-sayuran yang boleh didapati di pasar-pasar dalam negeri Kelantan. Biasanya kalau tidak dimasukkan atau diimport daripada sebelah Pantai Barat, bekalan tidak ada, tetapi sekarang dapat dihasilkan oleh petani dalam negeri Kelantan sendiri dan saya minta pihak Kementerian melipat-gandakan hasil sayur-sayuran yang diusahakan oleh petani-petani kita kerana ini akan dapat menambahkan pendapatan mereka sebagai pendapatan sampingan.

Mengenai masalah FAMA, saya sendiri mencari-cari di manakah letaknya kewujudan FAMA dalam kehidupan masyarakat di negara kita? Saya tidak tahu sejauh manakah FAMA telah berhasil memasarkan hasil-hasil pertanian dalam negara

kita. Jadi saya berharap pihak Kementerian yang berkenaan dapat mengkaji balik kedudukan FAMA dan peranannya dan kalau perlu ditamatkan terus riwayat FAMA itu sebagaimana MAJUTERNAK dan cuba memasukkan ke dalam badan ataupun agensi Kerajaan yang lain yang lebih berkesan kewujudannya dalam masyarakat kita dalam negara kita ini.

Selain daripada itu Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh sedikit sahaja dalam masalah Bank Pertanian. Walaupun pihak Parti saya Hizbul Muslimin (HAMIM) berada di bangku Pembangkang, tetapi kami rasa kami juga berhak mendapat pengetahuan sedikit sebanyak dalam hal agensi-agensi Kerajaan untuk meningkatkan pengetahuan kami sebagai wakil rakyat. Jadi baru-baru ini pihak Bank Pertanian mengadakan beberapa kali jempunan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memberi taklimat.....

Tuan Alias bin Md. Ali: Sekali sahaja.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Jadi ini yang saya hendak timbulkan supaya pihak agensi Kerajaan seperti ini, sekiranya hendak mengadakan satu-satu taklimat, jemputlah kami, walaupun kami daripada Parti Pembangkang, bukan kami bersikap membangkang semberono sahaja tetapi mana yang baik kami sokong dan mana yang tak baik kepada rakyat, maka itulah yang kami tentang. (*Tepuk*) Dan di Dewan yang mulia ini, saya hendak ucapkan terima kasih kepada pihak MAJUIKAN, terutama pengerusinya dan pihak Kementerian Pertanian yang telah menjemput kami hadir mendengar taklimat.

Tuan Pengerusi: Di bawah kepala apa itu? (*Ketawa*)

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Program 10, muka surat 191, butiran 4100, (*Ketawa*). Jadi saya haraplah pihak Kementerian yang lain-lain lagi pada masa akan datang, sekiranya hendak mengadakan majlis-majlis taklimat janganlah lupa menjemput wakil-wakil daripada Hizbul Muslimin.

Sekian, Tuan Pengerusi, dengan ini saya menyokong perbelanjaan Kementerian Pertanian.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Tenggaroh.

6.29 ptg.

Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk turut bersama-sama memberikan pandangan dan pendapat mengenai Anggaran Belanjawan bagi Kementerian Pertanian untuk tahun 1984.

Pertamanya saya ingin menarik perhatian kepada muka surat 185 Maksud Bekalan 21, Butiran 1100 Gaji dan Upahan, Program 2 (c) Haiwan. Di samping itu, saya mohon izin, Tuan Pengerusi untuk menyentuh sekali muka surat 205 Maksud P. 21, butiran 175, perkara (1) dan (2) dan butiran 187 yang secara keseluruhannya adalah mengenai dengan Jabatan Haiwan dan penternakan haiwan.

Tuan Pengerusi, saya rasa di dalam usaha Kerajaan membangunkan

kawasan-kawasan pertanian dan di dalam usaha Kerajaan untuk mewujudkan pembukaan-pembukaan tanah, terutama Kerajaan Negeri tidak ketinggalan memperuntukkan kawasan-kawasan untuk padang ragut untuk kawasan ternakan. Tetapi apa yang saya lihat terutamanya di kawasan pilihanraya saya, kawasan padang ragut yang diperuntukkan oleh Kerajaan itu masih lagi sehingga kini terbiar. Saya dapati di kawasan saya ada seluas lebih kurang 1,020 ekar tanah ataupun kawasan padang ragut yang masih belum diusahakan dan jika sekiranya kawasan seluas lebih kurang 1,020 ekar itu diusahakan secara sepenuhnya, ianya akan banyak memberi munafaat dan faedah kepada penternak-penternak khususnya di kawasan itu sendiri.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat, kita sambung esok. Ahli-ahli Yang Berhormat, esok barangkali kita terpaksa memanjangkan masa mesyuarat sehingga lepas daripada 6.30 petang. Oleh itu saya mintalah sekali lagi supaya Ahli-ahli Yang Berhormat jangan panjang-panjangkan ucapan masing-masing.

Majlis Mesyuarat bersidang semula

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.